

SELAMAT DATANG KE APPLE SCHOOL MANAGER

Perjanjian Apple School Manager ("Perjanjian") antara Institusi Anda dengan Apple ini mentadbir penggunaan perisian, perkhidmatan dan laman web Institusi Anda yang merangkumi Apple School Manager (secara bersama dikenali sebagai "Perkhidmatan"). Anda bersetuju bahawa Anda memiliki kuasa sah yang penuh di sisi undang-undang untuk mengikat Institusi Anda kepada terma ini. Dengan mengklik "Setuju", Anda bersetuju bahawa Anda telah membaca dan memahami terma ini, serta bahawa terma ini diguna pakai jika Anda memilih untuk mengakses atau menggunakan Perkhidmatan tersebut atau menyediakan Perkhidmatan itu kepada pihak lain. Jika Anda tidak memiliki kuasa sah di sisi undang-undang untuk mengikat Institusi Anda atau tidak bersetuju dengan terma ini, jangan klik "Setuju".

1. UMUM

A. Perkhidmatan. Apple ialah penyedia Perkhidmatan, yang membenarkan Anda, mengikut terma dan syarat Perjanjian ini, untuk: (i) mendaftar Peranti Sah bagi tujuan Pengurusan Peranti Mudah Alih (MDM) dalam Institusi Anda; (ii) mengakses alatan perisian yang berkenaan untuk memudahkan Perkhidmatan tersebut; (iii) mentadbir penciptaan dan pendedaran Akaun Apple Terurus oleh Anda serta penggunaan oleh Pengguna Akhir Anda; (iv) mengurus penghantaran, penyimpanan, pembelian dan penyelenggaraan data dan Kandungan berkenaan yang berkaitan dengan Perkhidmatan ini; (v) mengurus penciptaan dan pentadbiran kursus oleh Anda menggunakan Perkhidmatan tersebut; dan (vi) membolehkan ciri dan kefungsi tertentu Perkhidmatan untuk Pengguna Akhir digunakan dengan Akaun Apple Terurus mereka termasuk, tanpa had, pengukuran kemajuan pelajar pada aktiviti yang ditugaskan dalam aplikasi yang didayakan dengan ClassKit melalui Apple School Manager, ciri yang melibatkan Produk dan Perkhidmatan Pihak Ketiga seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Perjanjian ini, dan ciri dan perkhidmatan yang dinyatakan dalam Bahagian 4(D) Perjanjian ini. Anda bersetuju untuk menggunakan Perkhidmatan ini hanya mengikut Perjanjian ini, Dokumentasi dan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

B. Pendaftaran Peranti dan Pengguna. Anda boleh menggunakan ciri pendaftaran peranti Perkhidmatan ini hanya untuk mendaftar Peranti Sah dalam Perkhidmatan tersebut. Jika anda memilih untuk menggunakan Perkhidmatan ini dan mendaftar Peranti Sah seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, Apple akan menyediakan kepada Anda Portal Web dan akaun Pentadbir yang boleh digunakan oleh Anda untuk mencipta dan mengurus Akaun Apple Terurus untuk Pengguna Akhir dan menyediakan ciri Perkhidmatan tersebut kepada mereka. Setelah Anda mencipta Akaun Apple Terurus untuk Pengguna Akhir, akaun sedemikian boleh diakses melalui peranti kongsi atau individu milik Institusi dan sebarang peranti yang digunakan oleh Pengguna Akhir untuk mengakses Akaun Apple Terurus mereka. Anda bertanggungjawab untuk menentukan dan memilih ciri Perkhidmatan yang ingin Anda sediakan kepada Pengguna Akhir Anda.

C. Pemindahan Peranti. Anda tidak akan menjual semula mana-mana Peranti Sah dengan Tetapan Pendaftaran Peranti yang diaktifkan dan bersetuju untuk mengalih keluar Peranti Sah daripada Perkhidmatan sebelum menjual semula atau memindahkan peranti tersebut kepada pihak ketiga dalam apa-apa jua cara.

2. HAK PENGGUNAAN

A. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam Perjanjian ini, Anda mempunyai hak bersifat bukan eksklusif, tidak boleh diperuntukkan, tidak boleh dipindahkan dan terhad untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan ini semasa Tempoh berkenaan hanya untuk operasi pendidikan Anda dan tertakluk pada terma Perjanjian ini. Anda boleh membenarkan Pengguna Akhir anda untuk menggunakan Perkhidmatan ini bagi tujuan di atas dan Anda bertanggungjawab terhadap pematuan Pengguna Akhir Anda kepada terma Perjanjian ini.

B. Anda tidak mendapat apa-apa hak atau lesen untuk mengguna Perkhidmatan ini atau mana-mana daripada ciri Perkhidmatan ini di luar skop dan/atau tempoh Perkhidmatan yang dinyatakan dalam Perjanjian ini. Hak anda untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan ini akan tamat setelah Perjanjian ini berakhir dan/atau luput.

C. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam Perjanjian ini, Anda bersetuju bahawa Apple tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk menyediakan sebarang Perisian Apple, program, ciri, perkhidmatan atau produk sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan ini.

3. PRIVASI DAN KESELAMATAN DATA

A. Arahan Pelanggan dan Penggunaan Data Peribadi. Menurut Perjanjian ini, Apple, yang bertindak sebagai pemproses data bagi pihak Anda, mungkin menerima Data Peribadi jika data tersebut diberikan oleh Anda atau diberikan bagi pihak Anda dan Pengguna Akhir Anda. Dengan memasuki Perjanjian ini, Anda mengarahkan Apple untuk memproses Data Peribadi sedemikian, mengikut undang-undang yang berkenaan: (i) untuk menyediakan dan menyokong penggunaan Perkhidmatan ini oleh Anda dan Pengguna Akhir Anda, termasuk mana-mana ciri, kefungsiian dan perkhidmatan Apple yang didayakan oleh Anda atau Pengguna Akhir yang berkenaan; (ii) menurut arahan Anda seperti yang diberikan melalui penggunaan Perkhidmatan oleh Anda atau Pengguna Akhir yang berkenaan (termasuk Portal Web dan ciri dan kefungsiian lain Perkhidmatan ini); (iii) seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini termasuk seperti yang dinyatakan dalam Ekshibit A untuk Pengguna Akhir pelajar; dan (iv) seperti yang dinyatakan dalam apa-apa jua arahan bertulis lain yang diberikan oleh Anda dan diiktiraf oleh Apple sebagai membentuk arahan mengikut Perjanjian ini.

Anda memahami bahawa Apple boleh memproses Data Peribadi yang dikaitkan dengan Akaun Apple Terurus, seperti nama, Institusi, kelas yang didaftarkan, peranan, maklumat hubungan seperti alamat e-mel dan nombor telefon, tahap gred, maklumat pekerjaan, pengecam pengguna dan pengecam peranti, seperti yang berkenaan dan bergantung pada jenis Pengguna Akhir, perkhidmatan yang digunakan dan data yang disediakan. Apple juga mungkin akan memproses Data Peribadi sehubungan dengan peruntukan ciri dan perkhidmatan yang tersedia dengan Akaun Apple Terurus, termasuk tanpa had perkhidmatan tersebut yang digariskan dalam Bahagian 1(A) di atas, Bahagian 4(D) di bawah, Perkhidmatan Apple dan perkhidmatan yang digariskan dalam Ekshibit A untuk Pengguna Akhir pelajar. Selain itu, Apple mungkin memproses Data Peribadi untuk memudahkan penyediaan kemas kini perisian, sokongan produk, dan ciri-ciri lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan; untuk tujuan keselamatan dan pengurusan akaun; serta untuk mengesahkan pematuan dengan terma-terma Perjanjian ini. Pemprosesan Data Peribadi Pengguna Akhir pelajar dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Ekshibit A.

Apple hanya akan memproses Data Peribadi menurut arahan Anda, seperti yang diterangkan dalam Perjanjian ini, termasuk Bahagian 3(A) dan Ekshibit A untuk Pengguna Akhir pelajar, melainkan (i) dilarang oleh keperluan undang-undang yang berkenaan daripada melakukan perkara sedemikian atau (ii) dikehendaki untuk melakukan perkara sedemikian oleh keperluan undang-undang yang berkenaan. Dalam kes sedemikian, Apple akan memaklumi Anda tentang keperluan undang-undang itu sebelum memproses Data Peribadi (melainkan dilarang oleh undang-undang itu daripada melakukan perkara sedemikian atas sebab penting berhubung kepentingan awam). Apple tidak akan mendedahkan sebarang Data Peribadi atau terlibat dalam sebarang aktiviti pemprosesan berkaitan dengan Perjanjian ini dengan cara yang boleh membentuk "penjualan" atau "perkongsian" (sebagaimana terma tersebut ditakrifkan dalam Akta Privasi Pengguna California (CCPA) atau mana-mana konsep yang serupa dalam undang-undang perlindungan data lain) bagi Data Peribadi. Apple akan memaklumkan Anda dengan serta-merta jika, pada pendapat Apple, mana-mana arahan Anda melanggar GDPR atau peruntukan perlindungan data Kesatuan atau Negeri Ahli yang lain, setakat yang diperlukan. Apple juga akan memaklumkan Anda jika Apple tidak lagi dapat memenuhi kewajipan di bawah CCPA atau undang-undang dan peraturan perlindungan data lain yang terpakai.

Selain itu, Apple serta sekutu dan ejennya boleh mengumpul, mencipta dan memproses maklumat statistik agregat diagnostik, teknikal, penggunaan dan berkaitan, dengan cara yang tidak mengenal pasti Pengguna Akhir Anda secara peribadi, untuk menyediakan dan menambah baik Perkhidmatan.

B. Pematuhan Undang-undang. Anda bersetuju bahawa Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pematuhan Anda terhadap semua undang-undang yang berkenaan, termasuk tanpa had undang-undang privasi dan perlindungan data, tentang penggunaan atau pengumpulan data dan maklumat melalui Perkhidmatan. Anda juga bertanggungjawab untuk semua aktiviti yang berkaitan dengan Data Peribadi, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemantauan Data Peribadi dan aktiviti sedemikian, dan melarang serta menangani data dan aktiviti yang tidak wajar, termasuk pengalihan keluar data dan penamatan akses Pengguna Akhir yang mendedahkan data tersebut. Anda bertanggungjawab terhadap perlindungan dan pengehadan akses kepada data Pengguna Akhir oleh semua orang dan mana-mana penyedia perkhidmatan Anda, termasuk Penyedia Perkhidmatan Pihak Ketiga Anda, dengan akses kepada data Pengguna Akhir dan untuk tindakan semua orang yang dibenarkan akses untuk menggunakan Perkhidmatan oleh Anda.

C. Insiden Data. Apple akan (i) memaklumi Institusi, sebaik sahaja yang mungkin dan mengikut keperluan undang-undang, jika Apple mendapat tahu bahawa terdapat pelanggaran keselamatan Perkhidmatan yang menyebabkan kemusnahan, kehilangan, perubahan, pendedahan tanpa izin, atau akses kepada Data Peribadi Institusi secara tidak sengaja atau menyalahi undang-undang ("Insiden Data"); dan (ii) mengambil langkah yang wajar untuk mengurangkan kerosakan dan melindungi Data Peribadi Institusi. Anda bertanggungjawab untuk memberi Apple maklumat hubungan terkini Institusi bagi tujuan pemakluman sedemikian. Apple juga akan membantu Institusi setakat yang boleh berkenaan dengan Data Peribadi yang boleh diakses oleh Apple berhubung dengan Perkhidmatan ini, bagi memastikan bahawa Institusi memenuhi kewajibannya untuk memaklumi Insiden Data kepada pihak berkuasa penyeliaan atau subjek data mengikut Artikel 33 dan 34 GDPR, jika berkenaan, atau mana-mana kewajipan yang sepadan mengikut undang-undang berkenaan.

Apple tidak akan mengakses kandungan Data Peribadi Anda untuk mengenal pasti maklumat yang tertakluk pada sebarang keperluan undang-undang tertentu. Institusi bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang pemakluman insiden yang berkenaan dengan Institusi dan memenuhi sebarang kewajipan pihak ketiga yang berkaitan dengan Insiden Data.

Pemakluman Apple tentang atau tindakan balas yang diambil untuk menangani Insiden Data mengikut Bahagian 3(C) ini tidak akan dianggap sebagai pengiktirafan oleh Apple terhadap sebarang tanggungjawab atau liabiliti yang berkaitan dengan Insiden Data.

D. Hak Audit/Penyiasatan Anda. Setakat yang GDPR terguna pakai terhadap pemprosesan Data Peribadi Anda atau Data Peribadi Pengguna Akhir Anda, Apple akan memberi Anda maklumat yang perlu untuk membuktikan pematuhan dengan Artikel 28 undang-undang itu. Jika Anda memiliki hak audit mengikut undang-undang lain yang berkenaan, Apple akan memberi Anda maklumat yang perlu untuk membuktikan pematuhan dengan kewajipan Anda mengikut undang-undang tersebut. Jika anda memilih untuk melaksanakan hak audit Anda mengikut Bahagian 3(D) ini, Apple akan membuktikan pematuhan dengan memberi anda satu salinan Perakuan ISO 27001 dan ISO 27018 Apple Inc..

E. Prosedur Keselamatan. Apple akan menggunakan langkah-langkah piawai industri untuk melindungi Data Peribadi semasa pemprosesan Data Peribadi. Data Peribadi yang disulitkan boleh disimpan mengikut budi bicara geografi Apple di lokasi-lokasi yang disenaraikan dalam Pensijilan ISO Apple, biasanya di lokasi yang paling dekat dengan Pengguna Akhir. Kunci yang diperlukan untuk menyahsulit data disimpan di Amerika Syarikat. Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah ini, Apple juga akan melakukan usaha yang wajar dari segi komersial untuk: (a) menyulitkan Data Peribadi semasa masa melahu dan semasa pemindahan; (b) memastikan bahawa kerahsiaan, integriti, ketersediaan dan daya pemulihan sistem dan perkhidmatan pemprosesan dipelihara secara berterusan; (c) memulihkan ketersediaan Data Peribadi dalam tempoh masa yang wajar sekiranya isu fizikal atau teknikal berlaku; dan (d) menguji, menghitung dan menilai secara berkala keberkesanan langkah-langkah teknikal dan organisasi untuk memastikan keselamatan pemprosesan Data Peribadi. Apple mungkin mengemas kini ciri keselamatan dari semasa ke semasa dengan syarat kemas kini tersebut tidak mengakibatkan pengurangan dalam keselamatan keseluruhan Perkhidmatan.

F. Kawalan Keselamatan. Apple akan membantu Anda memastikan pematuhan terhadap kewajipan Anda berkenaan dengan keselamatan Data Peribadi, termasuk kewajipan Institusi Anda di bawah Artikel 32 GDPR atau kewajipan setara di bawah undang-undang yang berkenaan, dengan melaksanakan Prosedur Keselamatan yang dinyatakan dalam Seksyen 3(E) Perjanjian ini dan dengan mengekalkan Pensijilan ISO 27001 dan ISO 27018. Apple akan menyediakan sijil yang dikeluarkan berhubung dengan ISO 27001 dan ISO 27018 untuk semakan Institusi jika diminta oleh Anda atau Institusi Anda mengikut Bahagian 3(F) ini.

G. Pematuhan Keselamatan. Apple akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan pematuhan dengan prosedur keselamatan oleh Kakitangan Apple dan Penyedia Perkhidmatan Apple, dan Apple akan memastikan bahawa mana-mana orang yang dibenarkan untuk memproses Data Peribadi mematuhi undang-undang yang berkenaan tentang kerahsiaan dan keselamatan Data Peribadi berkaitan dengan Perkhidmatan ini.

H. Penilaian Kesan Data dan Perundingan Sebelumnya. Apple akan membantu Institusi secara munasabah seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang yang berkenaan, setakat yang melibatkan Data Peribadi yang boleh diakses oleh Apple berhubung dengan Perkhidmatan ini, untuk memastikan pematuan Institusi dengan sebarang kewajipan yang berkenaan yang memerlukan Institusi melaksanakan penilaian kesan perlindungan data atau untuk berunding dengan pihak berkuasa penyeliaan sebelum pemprosesan bermula di tempat yang keperluan ini diwajibkan oleh undang-undang.

I. Pemakluman Pencerobohan dan Kerjasama. Anda akan memaklumi Apple dengan segera jika Anda mendapat tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang atau entiti telah melanggar langkah-langkah keselamatan Anda atau telah mendapat akses yang tidak dibenarkan kepada: (1) Data Peribadi Anda; (2) apa-apa jua kawasan larangan Perkhidmatan ini; atau (3) maklumat sulit Apple (secara keseluruhannya, "Pelanggaran Keselamatan Maklumat"). Jika Pencerobohan Keselamatan Maklumat berlaku, Anda harus memberi Apple bantuan dan sokongan yang munasabah untuk mengurangkan kerosakan dan melindungi data tersebut.

J. Pemindahan Data. Jika diperlukan oleh undang-undang, Apple akan memastikan bahawa apa-apa pemindahan data antarabangsa dibuat hanya ke negara yang menjamin tahap perlindungan yang mencukupi, telah memberikan perlindungan yang wajar mengikut undang-undang yang berkenaan, seperti dalam Artikel 46 dan 47 GDPR (cth., klausa perlindungan data standard), atau tertakluk pada pengurangan dalam Artikel 49 GDPR. Perlindungan itu mungkin termasuk Klausa Kontrak Model seperti yang dilaksanakan oleh Apple, atau perjanjian pemindahan data yang lain, yang anda bersetuju untuk memasuki perjanjian jika dikehendaki oleh bidang kuasa Anda, seperti yang dilaksanakan oleh Apple di <https://www.apple.com/legal/enterprise/datatransfer/>. Pemindahan Data Peribadi antarabangsa Apple yang dikumpulkan di negara yang merupakan sebahagian daripada Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) mematuhi Sistem Peraturan Privasi Merentasi Sempadan (CBPR) APEC (<http://cbprs.org/>) dan Sistem Pengiktirafan Privasi untuk Pemproses (PRP) (<http://cbprs.org/>) untuk pemindahan Data Peribadi. Sekiranya terdapat soalan atau kebimbangan yang belum selesai tentang pensijilan CBPR atau PRP APEC kami, anda boleh menghubungi penyedia penyelesaian pertikaian pihak ketiga (<https://feedback-form.truste.com/watchdog/request>).

K. Penghapusan Data. Setelah Perjanjian ini ditamatkan untuk apa-apa jua sebab, Apple akan menghapuskan secara selamat Data Peribadi Anda dan Pengguna Akhir Anda yang disimpan oleh Apple berhubung dengan Perkhidmatan ini dalam jangka masa yang munasabah, namun dalam semua situasi tidak lebih daripada 180 hari.

L. Permintaan Berhubung Data Peribadi.

i. **Permintaan Institusi:** Apple akan memberi anda kemampuan untuk mengakses, membetulkan, mengambil atau memadamkan Data Peribadi Anda dan Pengguna Akhir Anda sesuai dengan kewajipan Anda mengikut undang-undang privasi dan perlindungan data, seperti yang berkenaan. Jika anda membuat permintaan kepada Apple berhubung Kandungan atau Data Peribadi Anda atau Pengguna Akhir Anda yang berkaitan dengan Perkhidmatan, Apple akan dengan wajar (i) membolehkan Anda mengurus permintaan tersebut secara langsung, seperti melalui alatan yang tersedia di Portal Web, atau (ii) bekerjasama dengan Anda untuk menangani permintaan tersebut sehingga yang permintaan tersebut melibatkan Data Peribadi yang boleh diakses oleh Apple. Apple tidak bertanggungjawab ke atas data, termasuk Kandungan atau Data Peribadi, yang Anda simpan atau pindahkan di luar sistem Apple (contohnya, rekod pelajar yang terletak pada Sistem Maklumat Pelajar anda). Permintaan untuk pemadaman yang dikendalikan melalui Apple School Manager akan diselesaikan dalam tempoh 30 hari. Jika Anda berada di dalam Kesatuan Eropah, terma tambahan berikut yang berkaitan dengan Peraturan (EU) 2023/2854 terpakai: <https://support.apple.com/guide/deployment/depe03a2705f>.

ii. **Permintaan Pengguna Akhir:** Jika Apple menerima apa-apa permintaan daripada Pengguna Akhir untuk salinan Data Peribadi mereka sehubungan dengan Perkhidmatan, Apple akan dengan wajar (i) membolehkan Anda mengurus permintaan tersebut secara langsung, seperti melalui alatan yang tersedia di Portal Web, atau (ii) bekerjasama dengan Anda untuk menangani permintaan tersebut sehingga yang permintaan tersebut melibatkan Data Peribadi yang boleh diakses oleh Apple. Jika Anda memilih untuk membenarkan Apple memberikan salinan Data Peribadi Pengguna Akhir pada portal privasinya di privacy.apple.com melalui Portal Web, Anda dengan ini mengarahkan Apple, atas permintaan Pengguna Akhir, untuk memproses dan memenuhi permintaan Pengguna Akhir tersebut untuk mengakses data mereka seperti yang tersedia di privacy.apple.com bagi pihak Anda.

iii. **Permintaan Pihak Ketiga:** Jika Apple menerima permintaan daripada pihak ketiga, seperti permintaan daripada penguat kuasa undang-undang atau pihak berkuasa peraturan, untuk Kandungan atau Data Peribadi Anda atau Pengguna Akhir Anda ("Permintaan Pihak Ketiga"), Apple akan (i) memaklumi Anda, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, penerimaannya terhadap Permintaan Pihak Ketiga tersebut; dan (ii) memaklumi peminta untuk menghantar Permintaan Pihak Ketiga sedemikian kepada Anda. Melainkan dikehendaki sebaliknya oleh undang-undang atau Permintaan Pihak Ketiga, Anda akan bertanggungjawab untuk membalas Permintaan tersebut. Jika anda terlibat dengan penyiasatan oleh pengawal selia perlindungan data atau pihak berkuasa serupa berkenaan dengan Data Peribadi, Apple akan memberikan bantuan dan sokongan kepada Anda dalam menghadapi penyiasatan tersebut sejauh yang melibatkan Data Peribadi yang boleh diakses oleh Apple sehubungan dengan Perkhidmatan.

M. Status Rasmi Sekolah Di Bawah FERPA (20 U.S.C. § 1232g). Jika Anda ialah sebuah agensi atau organisasi pendidikan, atau bertindak bagi pihak agensi atau organisasi pendidikan, yang tertakluk di bawah peraturan Akta Hak dan Privasi Pendidikan Keluarga A.S. (FERPA), pihak tersebut bersetuju bahawa untuk tujuan Perjanjian ini, Apple akan (a) bertindak sebagai "pegawai sekolah" seperti yang ditakrifkan dalam 34 C.F.R. § 99.31(a)(1)(i) dengan kepentingan pendidikan yang sah; (b) merujuk kepada Data Peribadi Pengguna Akhir yang berkenaan, melaksanakan perkhidmatan atau kefungsiannya institusi mengikut kawalan langsung Institusi yang sebaliknya Institusi tersebut akan menggunakan pekerja; (c) menggunakan Data Peribadi Pengguna Akhir yang berkenaan hanya untuk tujuan yang disahkan oleh Institusi, termasuk sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian ini; dan (d) tidak mendedahkan semula Data Peribadi Pengguna Akhir yang berkenaan kepada pihak ketiga atau sekutunya kecuali yang dibenarkan mengikut Perjanjian ini, dengan izin daripada Institusi, menurut perintah mahkamah, atau sebagaimana yang diizinkan mengikut undang-undang atau peraturan yang berkenaan.

N. COPPA. Apple akan menggunakan dan mengekalkan Data Peribadi, yang diberikan oleh Anda dan Pengguna Akhir Anda kepada Apple berhubung dengan Perkhidmatan ini, mengikut Akta Perlindungan Privasi Dalam Talian Kanak-kanak 1998 (COPPA), setakat akta tersebut terpakai. Seksyen 3 ini bersama Ekshibit A yang dilampirkan membentuk notis tentang cara Apple akan mengumpul, menggunakan, atau mendedahkan Data Peribadi Pengguna Akhir pelajar, termasuk kanak-kanak di bawah umur 13 tahun. Anda membenarkan Apple untuk mengumpulkan, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi sedemikian untuk tujuan menyediakan dan menambah baik Perkhidmatan ini dan seperti yang dinyatakan dalam Ekshibit A.

O. Akses kepada Produk dan Perkhidmatan Pihak Ketiga. Jika Anda memilih untuk mengakses, menggunakan, memuat turun, memasang atau mendayakan produk atau perkhidmatan pihak ketiga yang beroperasi dengan Perkhidmatan ini tetapi bukan sebahagian daripada Perkhidmatan tersebut, Perkhidmatan ini boleh membenarkan produk atau perkhidmatan sedemikian untuk mengakses Data Peribadi seperti yang diperlukan untuk penggunaan perkhidmatan tambahan itu. Sesetengah produk atau perkhidmatan pihak ketiga tersebut mungkin turut memberi Apple akses kepada Data Peribadi, seperti jika Anda membenarkan Pengguna Akhir Anda untuk log masuk kepada Perkhidmatan tersebut melalui pembekal identiti bersekutu. Anda tidak perlu menggunakan produk atau perkhidmatan tambahan sedemikian berhubung dengan Perkhidmatan ini dan Pentadbir Anda mungkin mengehadkan penggunaan produk atau perkhidmatan tambahan tersebut mengikut Perjanjian ini. Sebelum mengakses, menggunakan, memuat turun, memasang atau mendayakan produk atau perkhidmatan pihak ketiga untuk digunakan bersama Akaun Apple Terurus, Anda harus menyemak syarat-syarat, dasar dan amalan produk dan perkhidmatan pihak ketiga berkenaan untuk memahami jenis data yang mungkin dikumpulkan oleh mereka daripada Pengguna Akhir Anda, cara data tersebut mungkin digunakan, dikongsi dan disimpan, dan, jika berkenaan, sama ada amalan tersebut konsisten dengan mana-mana kebenaran yang telah Anda peroleh.

P. Penyedia Perkhidmatan Apple. Apple mungkin akan memberikan Data Peribadi kepada Penyedia Perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan kepada Apple sehubungan dengan Perkhidmatan ini. Anda membenarkan Apple menggunakan semua entiti Apple yang dinyatakan dalam pentakrifan "Apple" sebagai Penyedia Perkhidmatan dan mana-mana Penyedia Perkhidmatan lain yang mungkin digunakan oleh Apple, dengan syarat bahawa Penyedia Perkhidmatan tersebut terikat dengan kontrak untuk memperlakukan Data Peribadi dengan cara yang tidak kurang terlindung berbanding dengan amalan Apple yang memperlakukan data tersebut mengikut Perjanjian ini, dan tidak akan menggunakan data sedemikian untuk apa-apa tujuan yang lain daripada yang dinyatakan di sini. Senarai Penyedia Perkhidmatan tersedia di https://www.apple.com/legal/enterprise/data-transfer-agreements/subprocessors_us.pdf. Jika Penyedia Perkhidmatan gagal memenuhi kewajipan perlindungan datanya mengikut Perjanjian ini, Apple akan kekal bertanggungjawab sepenuhnya kepada Anda untuk prestasi kewajipan Penyedia Perkhidmatan itu seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan.

4. PERKHIDMATAN

A. Had Penggunaan. Anda akan memastikan bahawa penggunaan Perkhidmatan ini oleh Anda dan Pengguna Akhir Anda mematuhi Perjanjian ini dan Dokumentasi dan Anda akan memaklumi Pengguna Akhir Anda tentang, serta menguatkuasakan had yang dinyatakan dalam Perjanjian ini dan Dokumentasi. Anda bersetuju bahawa Anda mahupun Pengguna Akhir Anda tidak akan menggunakan Perkhidmatan ini untuk memuat naik, memuat turun, menyiar, menghantar e-mel, menghantar, menyimpan atau secara lainnya menyediakan: (i) sebarang Kandungan atau bahan yang menyalahi undang-undang, mengganggu, mengancam, berbahaya, menyatakan fitnah, lucah, mencero bohi privasi orang lain, mengutuk, menyinggung dari segi ras atau asal usul etnik atau secara lainnya mengacau; (ii) sebarang Kandungan atau bahan yang melanggar sebarang hak cipta atau hak harta intelektual yang lain, atau melanggar sebarang rahsia perdagangan, atau hak kontrak atau proprietari yang lain, (iii) sebarang mesej e-mel, iklan, bahan promosi, mel remeh, spam atau surat berangkai yang tidak diminta atau dibenarkan; dan/atau (iv) sebarang Kandungan atau bahan yang mengandungi virus atau sebarang kod, fail atau program komputer yang direka untuk merosakkan, mengganggu atau mengehadkan operasi biasa Perkhidmatan ini atau sebarang perisian atau perkakasan komputer lain. Anda juga bersetuju bahawa Anda tidak akan, dan akan memastikan bahawa Pengguna Akhir tidak akan: (a) menggunakan Perkhidmatan ini untuk menghendap, mengganggu, mengancam atau mencederakan orang lain; (b) menyamar sebagai mana-mana

orang atau entiti lain selain diri Anda sendiri (Apple berhak untuk menolak atau menghalang mana-mana Akaun Apple Terurus atau alamat e-mel yang boleh dianggap sebagai penyamaran atau menyalahnyatakan identiti Anda, atau menyalahgunakan nama atau identiti orang lain); (c) memalsukan sebarang pengepala paket Protokol Kawalan Penghantaran/Protokol Internet (TCP-IP) atau mana-mana bahagian maklumat pengepala dalam e-mel atau siaran kumpulan berita, atau secara lainnya meletakkan maklumat dalam pengepala yang direka untuk menipu penerima tentang titik asal sebarang kandungan yang dihantar melalui Perkhidmatan ini ("perdayaan"); (d) mengganggu atau menggendalakan Perkhidmatan ini, apa-apa pelayan atau rangkaian yang tersambung pada Perkhidmatan ini, atau apa-apa dasar, keperluan atau peraturan rangkaian yang berkaitan dengan Perkhidmatan ini; dan/atau (e) menggunakan Perkhidmatan ini untuk secara lainnya melanggar undang-undang, ordinan atau peraturan yang berkenaan. Jika penggunaan Perkhidmatan ini atau sebarang kelakuan lain secara sengaja mahupun tidak oleh Anda atau Pengguna Akhir Anda mengancam keupayaan Apple untuk menyediakan Perkhidmatan ini kepada Anda atau orang lain, Apple berhak untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi melindungi Perkhidmatan ini dan sistem Apple, yang mungkin termasuk penggantungan akses Anda kepada Perkhidmatan tersebut.

Jika anda ialah entiti yang diliputi, rakan perniagaan atau wakil bagi entiti atau rakan perniagaan yang diliputi (mengikut takrif 45 C.F.R § 160.103), Anda bersetuju bahawa anda tidak akan menggunakan mana-mana komponen, fungsi atau kemudahan lain pada iCloud untuk mencipta, menerima, mengekalkan atau menghantar sebarang "maklumat kesihatan terlindung" (mengikut takrif 45 C.F.R § 160.103) atau menggunakan iCloud dalam apa-apa jua cara yang boleh menjadikan Apple (atau mana-mana Subsidiari Apple) rakan perniagaan Anda atau mana-mana pihak ketiga.

B. Pentadbiran Akaun. Anda bersetuju bahawa Anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan akaun Pentadbir Anda dan semua Akaun Apple Terurus Anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada: (i) keselamatan dan perlindungan nama pengguna dan kata laluan yang dikaitkan dengan setiap akaun; (ii) peruntukan dan/atau penamatan akses oleh mana-mana Pengguna Akhir Anda kepada akaun sedemikian dan sebarang Kandungan yang disediakan dan/atau disimpan dalam Perkhidmatan ini; dan (iii) peruntukan dokumentasi dan garis panduan yang wajar kepada Pengguna Akhir tentang penggunaan Akaun Apple Terurus.

C. Notis Pengguna Akhir. Pentadbir akan mempunyai keupayaan untuk memantau, mengakses atau mendedahkan data Pengguna Akhir yang berkaitan dengan Akaun Apple Terurus melalui Portal Web dan/atau alatan Pentadbir. Anda menyatakan dan menjamin bahawa sebelum menyerahkan Perkhidmatan kepada Institusi dan mana-mana Pengguna Akhir, Anda akan memberikan notis dan pendedahan terma yang mencukupi bagi Perjanjian ini, dan mendapatkan serta mengekalkan semua hak dan kebenaran yang perlu, sama ada daripada setiap Pengguna Akhir, atau ketika perlu dan berkenaan, setiap ibu bapa atau penjaga sah Pengguna Akhir, untuk membenarkan Apple untuk: (1) menyediakan dan menyokong penggunaan Perkhidmatan oleh Anda dan Pengguna Akhir Anda mengikut Perjanjian ini; dan (2) mengakses dan menerima data Pengguna Akhir yang mungkin timbul sebagai sebahagian daripada penyediaan Perkhidmatan.

D. Akaun Apple Terurus; Ciri dan Perkhidmatan. Akaun Apple Terurus merupakan nama pengguna dan kata laluan akaun yang Anda cipta dan beri kepada setiap Pengguna Akhir Anda untuk mengakses Perkhidmatan ini. Apple akan memberi Anda alatan untuk mencipta Akaun Apple Terurus bagi Pengguna Akhir Anda. Apabila Anda mencipta Akaun Apple Terurus untuk Pengguna Akhir Anda, semua ciri dan kefungsi Perkhidmatan ini yang dipilih oleh Anda untuk disediakan akan didayakan bagi semua Akaun Apple Terurus Institusi Anda. ANDA BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA SERTA MEMIKUL SEMUA LIABILITI UNTUK SEMUA RISIKO DAN KOS YANG BERKAITAN DENGAN KEWAJARAN SETIAP CIRI DAN KEFUNGSIAN YANG ANDA PILIH UNTUK DIDAYAKAN DALAM PERKHIDMATAN INI UNTUK INSTITUSI DAN/ATAU PENGGUNA AKHIR ANDA.

i. **Keperluan untuk Penggunaan Akaun Apple Terurus**

1. **Peranti dan Akaun.** Penggunaan Akaun Apple Terurus sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan ini mungkin memerlukan peranti yang serasi, akses Internet, perisian tertentu dan kemas kini berkala. Versi terkini perisian yang diperlukan mungkin wajib untuk mendayakan transaksi atau ciri tertentu. Apple berhak untuk mengehendkan bilangan Akaun Apple Terurus yang boleh dicipta dan bilangan peranti yang boleh dikaitkan dengan akaun Perkhidmatan.

2. **Hak anda terhadap Akaun Apple Terurus.** Kecuali jika diperlukan oleh undang-undang atau Perjanjian ini, Anda bersetuju bahawa setiap Akaun Apple Terurus tidak boleh dipindahkan antara Pengguna Akhir individu dan antara Institusi.

ii. **Cari iPhone Saya.** Cari iPhone Saya dinyahdayakan secara automatik untuk semua Akaun Apple Terurus. Namun, jika Peranti Sah dicuri atau hilang, Institusi boleh menggunakan penyelesaian MDM untuk meletakkan peranti tersebut dalam Mod Hilang supaya peranti itu boleh dikunci, Pengguna Akhir akan dilog keluar dan laporan akan dihantar secara automatik kepada Pelayan MDM. Institusi juga boleh memadam peranti tersebut dari jauh dan mendayakan Kunci Pengaktifan bagi membantu dalam memastikan peranti itu tidak boleh diaktifkan semula tanpa Akaun Apple Terurus dan kata laluan yang betul. Apple tidak bertanggungjawab terhadap kegagalan Anda untuk melindungi Peranti Sah dengan kod laluan, kegagalan Anda untuk mendayakan Mod Hilang dan/atau kegagalan Anda untuk menerima atau membalas notis dan komunikasi. Apple juga tidak bertanggungjawab terhadap pengembalian peranti yang hilang atau dicuri kepada Anda atau sebarang kehilangan data yang terhasil. Apple tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penggantian peranti yang mendayakan ciri Kunci Pengaktifan atau sebarang tuntutan waranti untuk peranti tersebut. Anda boleh mengalih keluar ciri Kunci Pengaktifan dan melumpuhkan Mod Hilang melalui MDM.

iii. **Pengesahan Akaun.** Pengesahan dua faktor yang memerlukan dua jenis maklumat bagi tujuan pengesahan, seperti kata laluan dan kod keselamatan yang dijanakan, didayakan secara automatik untuk Akaun Apple Terurus Pentadbir, guru dan kakitangan Anda. Institusi bersetuju untuk memberi Apple sekurang-kurangnya satu nombor telefon bimbit Institusi untuk menerima panggilan dan mesej teks yang didail secara automatik atau diprakam daripada Apple untuk tujuan pengesahan dan urusan yang berkaitan dengan akaun, yang mungkin tertakluk pada kadar mesej dan data standard. Apple mungkin membuat panggilan atau menghantar mesej teks sedemikian untuk: (i) membantu Anda melindungi akaun Perkhidmatan Anda ketika mendaftar masuk; (ii) membantu Anda mengakses akaun Anda jika Anda terlupa kata laluan; atau (iii) secara lainnya menyelenggarakan akaun Perkhidmatan Anda atau menguatkuasakan Perjanjian ini dan dasar yang berkaitan mengikut keperluan. Akaun Apple Terurus yang diagihkan kepada Pengguna Akhir Anda juga akan memerlukan pengesahan dua faktor, seperti pengenalan Peranti Sah dan kod pengesahan yang dijana oleh Portal Web atau nombor telefon. Dalam semua keadaan, Anda bertanggungjawab untuk: (a) mengedarkan Akaun Apple Terurus yang Anda cipta kepada Pengguna Akhir yang dikenal pasti; (b) membenarkan akses kepada Perkhidmatan ini oleh Pengguna Akhir sedemikian; (c) mengawal akses yang tidak dibenarkan; dan (d) mengekalkan kerahsiaan dan keselamatan nama pengguna, kata laluan dan maklumat akaun.

iv. **Sandaran.** Peranti Sah yang juga bukan peranti kongsi akan mencipta sandaran automatik secara berkala yang dihantar kepada Perkhidmatan ini apabila pengguna melog masuk menggunakan Akaun Apple Terurus mereka dan peranti mereka dikunci skrin, disambungkan kepada sumber kuasa dan disambungkan kepada Internet melalui rangkaian Wi-Fi. Anda boleh melumpuhkan sandaran dalam Seting Pendaftaran MDM. Sandaran terhad kepada seting peranti, ciri peranti, foto, video, dokumen, mesej (iMessage, SMS dan MMS jika didayakan), nada dering, data aplikasi (termasuk data aplikasi Health, jika berkenaan), seting lokasi (seperti peringatan berdasarkan lokasi yang Anda sediakan) dan skrin Utama serta susunan aplikasi. Kandungan yang Anda beli, muat turun atau sediakan akses kepada Pengguna Akhir Anda daripada App Store atau Apple Books Store, dan Kandungan yang dibeli daripada atau yang disediakan oleh mana-mana pihak ketiga, tidak akan disandarkan. Kandungan sedemikian mungkin layak untuk dimuat turun semula daripada perkhidmatan tersebut, tertakluk pada keperluan akaun, ketersediaan dan apa-apa terma dan syarat yang berkenaan. Kandungan yang disegerakkan daripada komputer Pengguna Akhir Anda tidak akan disandarkan. Jika Anda mendayakan Pustaka Foto iCloud, pustaka foto Pengguna Akhir Anda akan disandarkan secara berasingan daripada sandaran iCloud automatik mereka. Kandungan yang disimpan dalam kenalan, kalendar, penanda buku dan dokumen Pengguna Akhir boleh diakses melalui iCloud pada web atau mana-mana peranti Apple yang didaftar masuk oleh Pengguna Akhir menggunakan Akaun Apple Terurus mereka. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengekalkan sandaran alternatif yang sesuai bagi maklumat dan data Anda dan Pengguna Akhir Anda.

v. **Pustaka Foto iCloud.** Apabila Anda mendayakan Pustaka Foto iCloud berhubung dengan mana-mana Akaun Apple Terurus, foto, video dan metadata dalam Aplikasi Foto pada Peranti Sah ("Pustaka Foto Peranti") akan dihantar secara automatik kepada iCloud, disimpan sebagai Pustaka Foto Pengguna Akhir pada iCloud dan kemudian ditolak kepada semua peranti dan komputer lain Pengguna Akhir yang mendayakan Pustaka Foto iCloud. Jika Pengguna Akhir kemudiannya membuat perubahan (termasuk pemadaman) dalam Pustaka Foto Peranti pada mana-mana peranti atau komputer itu, perubahan tersebut akan dihantar secara automatik ke dan dipaparkan dalam Pustaka Foto iCloud Pengguna Akhir. Perubahan tersebut juga akan ditolak daripada iCloud kepada, dan dipaparkan dalam, Pustaka Foto Peranti pada semua peranti dan komputer Pengguna Akhir yang mendayakan Pustaka Foto iCloud. Resolusi kandungan dalam Pustaka Foto pada Peranti Sah atau komputer mungkin berbeza bergantung pada jumlah storan yang tersedia dan opsyen pengurusan storan yang dipilih untuk peranti Pengguna Akhir yang mendayakan Pustaka Foto iCloud. Jika Anda tidak ingin menggunakan Pustaka Foto iCloud, Anda boleh melumpuhkan ciri ini untuk Akaun Apple Terurus Anda dan/atau pada Peranti Sah Anda.

vi. **Schoolwork.** Jika anda menyediakan Schoolwork kepada Pengguna Akhir Anda, guru dan pelajar di Institusi Anda boleh mengurus kerja dan tugas sekolah mereka menggunakan Akaun Apple Terurus.

1. **Perkongsian Fail iCloud.** Apabila anda berkongsi fail menggunakan Schoolwork berhubung dengan Akaun Apple Terurus, Apple akan menyusun semua fail secara automatik ke dalam folder kelas untuk pelajar dan guru di iCloud Drive. Pengguna Akhir Anda boleh mengakses fail kongsi mereka menggunakan Akaun Apple Terurus mereka. Anotasi atau perubahan yang dibuat pada fail ini boleh dilihat oleh mana-mana Pengguna Akhir dalam kelas yang berkongsi fail dengan Anda. Anda boleh berhenti berkongsi fail pada bila-bila masa. Fail yang dicipta oleh Pengguna Akhir Anda menggunakan Akaun Apple Terurus akan disimpan sehingga anda memadamkan fail tersebut. Namun, mana-mana fail yang disalin sebelum itu kepada peranti atau komputer lain tidak akan dipadam.

2. **Kemajuan Pelajar.** Apabila Anda memilih untuk ikut serta bagi ciri Kemajuan Pelajar di Portal Web, kemajuan pelajar pada aktiviti yang ditugaskan dalam aplikasi yang didayakan dengan ClassKit akan dirakam dan dilaporkan kepada rangka kerja ClassKit. Hanya aktiviti yang ditugaskan oleh guru Anda menggunakan Schoolwork akan mula merakam dan melaporkan maklumat kemajuan pelajar. Pengguna Akhir pelajar Anda akan dapat melihat maklumat kemajuan pelajar mereka dalam Schoolwork dan di Seting pada peranti mereka. Pengguna Akhir guru Anda akan dapat melihat maklumat kemajuan pelajar bagi semua pelajar di dalam kelas mereka untuk aktiviti yang mereka tugaskan. Data pelajar yang dicipta melalui penggunaan Schoolwork atau aplikasi yang didayakan dengan ClassKit oleh Anda akan diproses mengikut Bahagian 3 dan Ekshibit A Perjanjian ini. Jika Anda memilih untuk tidak ikut serta Akaun Apple Terurus daripada ciri Kemajuan Pelajar, semua Data Peribadi kemajuan pelajar yang dikaitkan dengan Akaun Apple Terurus itu akan dipadamkan mengikut Bahagian 3L(i).

vii. **Aplikasi Pihak Ketiga.** Jika Anda menyediakan sebarang aplikasi pihak ketiga kepada Pengguna Akhir Anda untuk mereka mendaftar masuk menggunakan Akaun Apple Terurus mereka, Anda bersetuju untuk membenarkan aplikasi tersebut menyimpan data dalam akaun yang dikaitkan dengan Akaun Apple Terurus Pengguna Akhir Anda dan untuk Apple mengumpul, menyimpan dan memproses data sedemikian bagi pihak pembangun aplikasi pihak ketiga yang berkenaan berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan ini dan aplikasi tersebut oleh Anda dan/atau Pengguna Akhir Anda. Aplikasi pihak ketiga mungkin memiliki keupayaan untuk berkongsi data sedemikian dengan aplikasi lain yang dimuat turun daripada pembangun aplikasi yang sama. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Anda serta Pengguna Akhir Anda mematuhi sebarang had storan dan semua undang-undang yang berkenaan untuk setiap Akaun Apple Terurus berdasarkan aplikasi pihak ketiga yang Anda sediakan untuk dimuat turun oleh Pengguna Akhir Anda.

viii. **Perkhidmatan Apple Yang Lain.** Jika Anda menyediakan Perkhidmatan Apple lain untuk dilog masuk oleh Pengguna Akhir bukan pelajar Anda, Anda bersetuju untuk membenarkan Perkhidmatan Apple menyimpan data di dalam akaun yang dikaitkan dengan Akaun Apple Terurus Pengguna Akhir tersebut, dan untuk Apple mengumpul, menyimpan dan memproses data sedemikian berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan Apple oleh Anda dan/atau Pengguna Akhir bukan pelajar Anda. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Anda dan Pengguna Akhir bukan pelajar Anda mematuhi semua undang-undang yang berkenaan untuk setiap Akaun Apple Terurus berdasarkan Perkhidmatan Apple yang anda benarkan Pengguna Akhir Anda akses. Jika Pengguna Akhir bukan pelajar Anda mengakses Perkhidmatan Apple tertentu, Apple mungkin menghubungi Pengguna Akhir Anda tentang penggunaan Perkhidmatan, Perkhidmatan Apple dan kemas kini kepada Perkhidmatan Apple.

E. Penggunaan Token Pelayan. Anda bersetuju untuk menggunakan Token Pelayan yang diberikan oleh Apple hanya untuk tujuan mendaftar Pelayan MDM Anda dalam Perkhidmatan ini, memuat naik Seting Pendaftaran MDM dan menerima data jadual Akaun Apple Terurus. Anda akan memastikan bahawa Pengguna Akhir Anda menggunakan maklumat yang dihantar atau diterima menggunakan Token Pelayan Anda hanya dengan Peranti Sah. Anda bersetuju untuk tidak menyediakan atau memindahkan Token Pelayan Anda kepada mana-mana entiti lain atau mengongsikan Token Pelayan tersebut dengan mana-mana entiti lain, kecuali Penyedia Perkhidmatan Pihak Ketiga Anda. Anda bersetuju untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk melindungi keselamatan dan privasi Token Pelayan sedemikian dan membatalkan Token Pelayan itu jika Token Pelayan itu terjejas atau jika Anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Token Pelayan itu terjejas. Apple berhak untuk membatalkan atau menyahdayakan Token Pelayan pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak. Selanjutnya, Anda faham dan bersetuju bahawa menjanakan semula Token Pelayan akan menjejaskan keupayaan Anda untuk menggunakan Perkhidmatan ini sehingga Token Pelayan baharu telah ditambah pada Pelayan MDM.

F. Kapasiti Storan; Had ke Atas Penggunaan. Melampaui sebarang had penggunaan yang berkenaan atau munasabah, seperti had ke atas lebar jalur atau kapasiti storan (contohnya, berkenaan dengan Sandaran iCloud), dilarang dan mungkin menghalang Anda daripada menggunakan ciri dan kefungsiian tertentu dalam Perkhidmatan ini, mengakses Kandungan atau menggunakan sesetengah atau semua Akaun Apple Terurus. Jika Apple mengehadkan lebar jalur atau kapasiti storan yang disediakan kepada Anda, Apple akan melakukan usaha yang munasabah dari segi komersial untuk memaklumi Anda melalui Perkhidmatan ini atau selainnya dalam tempoh sepuluh (10) hari perniagaan selepas itu.

G. Penyerahan Kandungan. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang Kandungan yang Anda atau Pengguna Akhir Anda memuat naik, memuat turun, menyiar, menghantar melalui e-mel, menghantar, menyimpan atau secara lainnyia menjadikan sedia melalui penggunaan Perkhidmatan ini. Anda akan memastikan bahawa Pengguna Akhir Anda mendapat semua kebenaran atau lesen pihak ketiga yang perlu berkaitan dengan apa-apa jua Kandungan tersebut. Anda faham bahawa dengan Perkhidmatan ini, Anda mungkin menemui Kandungan yang Anda atau Pengguna Akhir Anda dapati menyinggung, lucah atau mengacau dan Anda mungkin mendedahkan Kandungan sedemikian kepada orang lain yang juga mendapati Kandungan tersebut tidak menyenangkan. Anda faham dan bersetuju bahawa Anda menanggung risiko sepenuhnya untuk penggunaan Perkhidmatan ini dan apa-apa Kandungan.

H. Pengalihan Keluar Kandungan. Anda mengakui bahawa Apple tidak bertanggungjawab dan tidak memikul liabiliti untuk sebarang Kandungan yang disediakan oleh Anda atau Pengguna Akhir Anda. Apple memiliki hak, namun bukan kewajipan, untuk menentukan jika Kandungan adalah sesuai dan mematuhi Perjanjian ini, dan mungkin memindahkan dan/atau mengalih keluar Kandungan yang melanggar undang-undang atau Perjanjian ini pada bila-bila masa, tanpa pemberitahuan terlebih dahulu dan mengikut budi bicaranya sendiri. Jika Apple mengalih keluar sebarang Kandungan, Apple akan melakukan usaha yang munasabah dari segi komersial untuk memaklumi Anda.

I. Perkhidmatan Terberkas. Semua ciri dan kefungsiian Perkhidmatan ini disediakan sebagai satu berkas dan tidak boleh diasingkan daripada berkas tersebut dan digunakan sebagai aplikasi sendiri. Perisian Apple yang disediakan dengan produk perkakasan berjenama Apple yang tertentu mungkin tidak akan berfungsi pada model perkakasan berjenama Apple yang lain.

J. Pautan dan Bahan Pihak Ketiga Lain. Sesetengah Kandungan, komponen atau ciri Perkhidmatan ini mungkin termasuk bahan daripada pihak ketiga dan/atau pautan ke laman web, sumber atau kandungan lain. Anda mengakui dan bersetuju bahawa Apple tidak bertanggungjawab terhadap ketersediaan laman atau sumber pihak ketiga sedemikian dan tidak menanggung liabiliti atau bertanggungjawab terhadap sebarang kandungan, iklan, produk atau bahan pada atau yang disediakan oleh laman atau sumber tersebut yang digunakan oleh Anda atau Pengguna Akhir Anda.

K. Pembelian Aplikasi dan Buku.

i. **Pemerolehan Kandungan.** Pemerolehan Kandungan daripada App Store atau Apple Books Store menggunakan Akaun Apple Terurus dinyahdayakan secara automatik. Anda boleh memilih untuk mendayakan akses bagi Pentadbir Anda atau guru dan kakitangan kepada Kandungan sedemikian dengan memberi mereka kuasa pembelian dan membenarkan mereka untuk mengakses Program Pembelian Pukul (VPP) supaya mereka dapat membeli Aplikasi dan Buku untuk digunakan bersama Perkhidmatan ini. Penggunaan App Store dan/atau Apple Books Store Anda tertakluk pada Bahagian G dan H Terma dan Syarat Perkhidmatan Media Apple (<https://www.apple.com/legal/internet-services/itunes/ww/>), mengikut kesesuaian. Anda bersetuju bahawa Anda memiliki kuasa dan akan menerima terma terpakai sedemikian bagi pihak Pengguna Akhir sah Anda.

ii. **Perkhidmatan Kandungan Pukul.** Pembelian yang anda buat melalui Perkhidmatan Kandungan Pukul adalah (i) tertakluk pada terma Adendum Perkhidmatan Kandungan Pukul yang disertakan bersama Perjanjian ini; dan disampaikan kepada Pengguna Akhir atau diperuntukkan kepada peranti melalui App Store dan/atau Apple Books Store.

L. Kemas Kini dan Penyelenggaraan; Perubahan kepada Perkhidmatan.

i. **Kemas Kini dan Penyelenggaraan.** Apple mungkin, dari semasa ke semasa, mengemas kini Perisian yang digunakan oleh Perkhidmatan ini. Kemas kini ini mungkin merangkumi pembaikan pepijat, peningkatan atau penambahbaikan ciri, atau keseluruhan versi baharu Perisian. Dalam sesetengah situasi, kemas kini itu mungkin diperlukan supaya Anda boleh terus menggunakan Perkhidmatan ini atau mengakses semua ciri Perkhidmatan ini. Apple tidak bertanggungjawab untuk isu prestasi atau keselamatan akibat daripada kegagalan Anda untuk menyokong kemas kini sedemikian. Dari semasa ke semasa, Apple perlu melakukan penyelenggaraan pada Perkhidmatan ini. Walaupun Apple tidak wajib memaklumi Anda tentang sebarang penyelenggaraan, Apple akan melakukan usaha yang munasabah dari segi komersial untuk memaklumi Anda terlebih dahulu tentang sebarang kerja penyelenggaraan yang dijadualkan.

ii. **Perubahan kepada Perkhidmatan.** Apple berhak untuk menyemak atau mengemas kini kefungsiannya dan rupa Perkhidmatan ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicaranya sendiri. Anda bersetuju bahawa Apple tidak bertanggungjawab kepada Anda atau mana-mana pihak ketiga untuk sebarang perubahan, penggantungan atau penamatan pada Perkhidmatan ini. Perkhidmatan ini, atau sebarang ciri atau bahagian daripada Perkhidmatan ini, mungkin tidak disediakan dalam semua bahasa atau di semua negara dan Apple tidak mengatakan bahawa Perkhidmatan ini, atau sebarang ciri atau bahagian daripada Perkhidmatan ini, sesuai atau tersedia untuk apa-apa jua penggunaan di mana-mana tempat tertentu.

M. Perjanjian Lain. Anda mengakui dan bersetuju bahawa terma dan syarat untuk sebarang jualan, perkhidmatan atau perjanjian lain yang mungkin Anda ada bersama Apple adalah berasingan dan terpisah daripada terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini. Terma dan syarat Perjanjian ini mentadbir penggunaan Perkhidmatan ini dan terma sedemikian tidak dikurangkan atau secara lainnya terjejas akibat apa-apa jua perjanjian lain yang Anda persetujui bersama Apple.

N. Perkhidmatan Profesional. Sebarang perkhidmatan profesional yang berkenaan dengan Perkhidmatan ini, seperti perkhidmatan perundingan atau pembangunan yang memerlukan sebarang penghantaran daripada Apple tertakluk pada yuran dan perjanjian berasingan antara Apple dengan Institusi.

O. Pengiriman Elektronik. Perkhidmatan ini dan sebarang Perisian Apple yang disediakan di bawah ini (kecuali jika perisian tersebut diprapasangkan pada mana-mana Peranti Sah) akan dikirim secara elektronik.

P. Yuran dan Cukai. Institusi Anda akan membayar semua cukai dan duti yang perlu, jika ada, bergantung pada penggunaan Perkhidmatan ini olehnya, kecuali jika dikecualikan mengikut undang-undang yang berkenaan. Anda akan memberi Apple bukti status terkecuali daripada cukai Institusi Anda, jika ada, jika diminta oleh Apple.

5. PEMILIKAN DAN PENYEKATAN; NOTIS HAK CIPTA

A. Anda mengekalkan semua hak milik dan hak harta intelektual Anda terhadap Kandungan Anda dan sebarang aplikasi perisian yang sedia ada dan dimiliki oleh Anda seperti yang digunakan atau diakses melalui Perkhidmatan ini. Apple dan/atau pemberi lesennya mengekalkan semua hak milik dan hak harta intelektual terhadap: (1) Perkhidmatan ini dan karya terbitan daripadanya, termasuk tetapi terhad kepada, grafik, antara muka pengguna, skrip dan perisian yang digunakan untuk melaksanakan Perkhidmatan ("Perisian") ini; (2) sebarang Perisian Apple yang disediakan kepada Anda sebagai sebahagian daripada dan/atau berkaitan dengan Perkhidmatan ini, termasuk mana-mana dan semua hak harta intelektual yang wujud di sini, sama ada berdaftar mahupun tidak, dan di mana-mana tempat di dunia yang Perkhidmatan ini mungkin wujud; dan (3) apa-apa jua yang dibangunkan atau disediakan oleh atau bagi pihak Apple mengikut Perjanjian ini. Tiada hak milik untuk sebarang teknologi atau sebarang hak harta intelektual di sini akan dipindahkan melalui Perjanjian ini. Jika semasa menggunakan Perkhidmatan ini Anda menemui Kandungan yang Anda dapati tidak sesuai atau sebaliknya yang Anda percayai melanggar Perjanjian ini, Anda boleh melaporkan hal demikian melalui <https://www.apple.com/legal/contact/>. Anda juga bersetuju bahawa:

- i. Perkhidmatan ini (termasuk Perisian Apple atau sebarang bahagian lain daripadanya) mengandungi maklumat proprietari dan sulit yang dilindungi oleh undang-undang harta intelektual atau undang-undang lain yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta.
- ii. Anda tidak akan, dan tidak akan menyebabkan atau membenarkan orang lain untuk, menggunakan atau menyediakan kepada mana-mana pihak ketiga maklumat atau bahan proprietari dalam apa-apa jua cara kecuali untuk penggunaan Perkhidmatan yang mematuhi Perjanjian ini.
- iii. Tiada bahagian daripada Perkhidmatan ini boleh dikeluarkan semula dalam apa-apa jua bentuk atau dengan apa-apa jua cara, kecuali seperti yang dibenarkan secara khusus dalam terma ini.
- iv. Anda tidak boleh, dan tidak boleh menyebabkan atau membenarkan orang lain untuk, menyalahkompil, melakukan kejuruteraan undur, menyalahhimpun atau secara lainnya mencuba untuk mendapatkan kod sumber daripada Perkhidmatan ini.
- v. Apple, logo Apple, iCloud, logo iCloud, iTunes, logo iTunes dan tanda dagangan, tanda perkhidmatan, grafik dan logo Apple yang lain yang digunakan berhubung dengan Perkhidmatan ini ialah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Apple Inc. di Amerika Syarikat dan/atau negara lain. Senarai tanda dagangan Apple boleh didapati pada <https://www.apple.com/legal/intellectual-property/trademark/appletmlist.html>). Tanda dagangan, tanda perkhidmatan, grafik dan logo lain yang digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan ini mungkin merupakan tanda dagangan pemilik masing-masing. Anda tidak diberikan hak atau lesen dalam mana-mana tanda dagangan yang tersebut dahulu dan anda juga bersetuju bahawa Anda tidak akan mengalih keluar, menyembunyi atau mengubah apa-apa jua notis proprietari (termasuk notis tanda dagangan dan hak cipta) yang mungkin tertera atau terkandung dalam Perkhidmatan ini.

- vi. Sepanjang Tempoh Perjanjian ini, Anda memberikan hak kepada Apple untuk menggunakan tanda Anda, hanya berhubung dengan pelaksanaan Apple terhadap hak dan prestasi kewajipan Apple mengikut Perjanjian ini.
- vii. Sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan ini, Anda boleh mendapatkan akses kepada Kandungan Pihak Ketiga. Pemilik atau penyedia pihak ketiga bagi Kandungan Pihak Ketiga tersebut mengekalkan semua hak milik dan hak harta intelektualnya dalam dan pada kandungan itu, dan hak Anda untuk menggunakan Kandungan Pihak Ketiga sedemikian ditadbir oleh dan tertakluk pada terma yang dinyatakan oleh pemilik atau penyedia pihak ketiga tersebut.
- viii. Anda tidak boleh melesen, menjual, menyewa, memajak, memperuntuk, mengedar, mengehos atau membenarkan penggunaan mengikut dasar kongsi masa atau sebagai biro perkhidmatan, atau secara lainnya mengeksploitasi atau menyediakan Perkhidmatan ini dan/atau mana-mana komponen secara komersial, kepada mana-mana pihak ketiga, kecuali seperti yang dibenarkan mengikut terma Perjanjian ini.

Anda bersetuju dan mengakui bahawa jika Anda melanggar terma yang terkandung dalam ayat di atas, Apple tidak akan bertanggungjawab atau memikul liabiliti untuk sebarang kerosakan atau tuntutan yang terhasil akibat daripada atau berhubung dengan tindakan Anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada Pencerobohan Keselamatan Maklumat atau Insiden Data.

B. Dengan menyerahkan atau menyiarkan bahan atau Kandungan melalui Perkhidmatan ini: (i) Anda menyatakan yang Anda ialah pemilik bahan sedemikian dan/atau memiliki semua hak, lesen dan kebenaran yang perlu untuk mengedarkan bahan tersebut; dan (ii) Anda memberikan Apple lesen di seluruh dunia, bebas royalti, bukan eksklusif dan boleh dipindahkan untuk menggunakan, mengedar, mengeluarkan semula, mengubah, menerbit, menterjemah, membuat persembahan dan memaparkan secara awam Kandungan tersebut pada Perkhidmatan ini hanya untuk tujuan pelaksanaan Perkhidmatan ini oleh Apple, tanpa sebarang pampasan atau kewajipan kepada Anda. Anda faham bahawa untuk menyediakan Perkhidmatan ini dan menjadikan Kandungan Anda tersedia, Apple mungkin perlu menghantar Kandungan Anda merentasi pelbagai rangkaian awam, dalam pelbagai jenis media dan mengubah suai Kandungan Anda untuk mematuhi keperluan teknikal bagi menyambungkan rangkaian, peranti atau peralatan. Anda bersetuju bahawa Apple berhak, tetapi tidak mempunyai kewajipan, untuk mengambil sebarang tindakan sedemikian di bawah lesen yang diberikan di sini.

C. Notis Hak Cipta – DMCA. Jika Anda percaya bahawa sebarang Kandungan yang Anda dakwa hak ciptanya telah dilanggar oleh mana-mana pihak yang menggunakan Perkhidmatan ini, sila hubungi Ejen Hak Cipta Apple seperti yang diuraikan dalam Dasar Hak Cipta Apple pada (<https://www.apple.com/legal/contact/copyright-infringement.html>). Apple boleh, mengikut budi bicaranya sendiri, menggantung dan/atau membatalkan akaun Pengguna Akhir yang didapati melanggar hak cipta.

6. EULA

A. Terma dan Syarat EULA. Untuk menggunakan Perkhidmatan ini, Anda dan/atau Pengguna Akhir Anda perlu menerima terma dan syarat Perjanjian Lesen Pengguna Akhir (EULA) untuk mana-mana Perisian Apple yang diperlukan untuk menggunakan Perkhidmatan ini dan untuk mana-mana Perisian Apple lain yang Anda pilih untuk digunakan bersama Perkhidmatan ini. Bagi menggunakan Perkhidmatan ini, Pentadbir Anda mesti menerima EULA untuk Perisian Apple pada Portal Web sebelum mengeluarkan Peranti Sah yang menjalankan Perisian Apple tersebut kepada Pengguna Akhir. Jika EULA untuk Perisian Apple telah berubah, Pentadbir Anda perlu kembali ke Portal Web dan menerima EULA yang dikemas kini itu untuk

terus menggunakan Perkhidmatan ini. Anda mengakui bahawa Anda tidak akan dapat menggunakan Perkhidmatan ini, atau mana-mana bahagian atau ciri padanya, termasuk mengaitkan Peranti Sah tambahan dengan Pelayan MDM Anda, sehingga EULA sedemikian telah diterima. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa EULA sedemikian telah disediakan kepada Pengguna Akhir Anda dan setiap Pengguna Akhir sedar dan mematuhi terma dan syarat EULA untuk Perisian Apple, dan Anda bersetuju untuk bertanggungjawab bagi mendapatkan sebarang kebenaran yang perlu supaya Pengguna Akhir Anda boleh menggunakan Perisian Apple. Anda bersetuju untuk memantau dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penggunaan Perisian Apple oleh semua Pengguna Akhir Anda seperti yang diberikan mengikut Perjanjian ini. Anda mengakui bahawa keperluan dan sekatan dalam Perjanjian ini terpakai terhadap penggunaan Perisian Apple oleh Anda bagi tujuan Perkhidmatan ini, tanpa mengira jika terma sedemikian termasuk dalam EULA yang berkenaan.

7. TEMPOH; PENAMATAN; PENGGANTUNGAN; KESAN PENAMATAN

A. Tempoh. Perjanjian ini akan mula berkuat kuasa pada tarikh Anda mula-mula menerima Perjanjian ini dan akan terus berlangsung sehingga ditamatkan mengikut Perjanjian ini ("Tempoh").

B. Penamatan oleh Apple. Apple mungkin menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa untuk apa-apa jua sebab atau tanpa sebab, dengan syarat Apple memaklumi Anda secara bertulis tiga puluh (30) hari sebelum itu. Juga, Apple mungkin pada bila-bila masa dan tanpa pemberitahuan terlebih dahulu, menamatkan atau menggantung secara serta-merta semua atau sebahagian daripada Akaun Apple Terurus dan/atau akses kepada Perkhidmatan ini setelah mana-mana daripada perkara berikut berlaku: (a) pelanggaran Perjanjian ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Bahagian 4(A). ("Sekatan Penggunaan"), atau mana-mana dasar atau garis panduan lain yang dirujuk di sini dan/atau disiarkan pada Perkhidmatan; (b) permintaan dan/atau perintah daripada penguat kuasa undang-undang, badan kehakiman, atau agensi kerajaan lain; (c) jika peruntukan Perkhidmatan kepada Anda adalah atau mungkin menjadi menyalahi undang-undang; (d) isu atau masalah teknikal atau keselamatan yang tidak dijangka; (e) penyertaan Anda dalam aktiviti penipuan atau tidak sah; (f) Anda atau mana-mana entiti atau orang yang secara langsung atau tidak langsung mengawal Anda, atau berada di bawah kawalan bersama Anda (bahawa "kawalan" mempunyai makna yang ditakrifkan dalam Seksyen 11(D)), yang atau tertakluk pada sekatan atau sekatan lain dalam negara atau rantau tempat Perkhidmatan ini tersedia; atau (g) kegagalan untuk membayar yuran, jika ada, yang dipinjam oleh Anda berhubung dengan Perkhidmatan jika anda gagal untuk memulihkan kegagalan tersebut dalam masa tiga puluh (30) hari selepas diberitahu secara bertulis tentang keperluan untuk berbuat demikian. Apple mungkin menamatkan atau menggantung Perkhidmatan ini mengikut budi bicaranya sendiri dan Apple tidak akan bertanggungjawab kepada Anda atau mana-mana pihak ketiga lain untuk sebarang kerosakan yang mungkin terhasil atau timbul akibat penamatan atau penggantungan sedemikian.

C. Penamatan oleh Anda. Anda boleh berhenti menggunakan Perkhidmatan ini pada bila-bila masa. Jika anda memadamkan mana-mana Akaun Apple Terurus, Anda dan Pengguna Akhir yang berkenaan tidak akan dapat mengakses Perkhidmatan ini. Tindakan ini tidak boleh dibaiki pulih.

D. Kesan Penamatan. Jika Perjanjian ini ditamatkan atau tamat tempoh, hak yang diberikan kepada satu pihak oleh pihak yang lain akan berhenti serta-merta, tertakluk pada Bahagian 11(L) (Kelangsungan Terma) Perjanjian ini.

E. Hak Pihak Ketiga. Dalam apa-apa jua jenis keadaan pun, Anda dilarang mengadakan sebarang perjanjian dengan pihak ketiga yang menjejaskan hak Apple atau mengikat Apple dalam apa-apa jua cara tanpa kebenaran bertulis daripada Apple terlebih dahulu dan Anda dilarang membuat publisiti tentang sebarang perjanjian sedemikian tanpa kebenaran bertulis daripada Apple terlebih dahulu.

8. TANGGUNG RUGI

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang berkenaan, Anda bersetuju untuk menanggung rugi, memegang lepas dan atas permintaan Apple, mempertahankan Apple, pengarah, pegawai, pekerja, pemegang saham, kontraktor dan ejennya (masing-masing "Pihak Terlindung Apple") daripada sebarang dan semua jenis tuntutan, liabiliti, tindakan, kerosakan, permintaan, pembayaran, perbelanjaan, yuran, kos dan kerugian bagi apa-apa jenis, termasuk tanpa had yuran guaman dan kos mahkamah (secara keseluruhannya, "Kerugian"), yang ditanggung oleh Pihak Terlindung Apple dan yang timbul daripada atau berkaitan dengan: (a) sebarang Kandungan yang Anda dan/atau Pengguna Akhir Anda serah, siar, hantar atau secara lainnya menjadikan tersedia melalui Perkhidmatan ini; (b) pelanggaran sebenar atau yang dikatakan, atau kegagalan untuk mematuhi sebarang perakuan, perjanjian, kewajipan, perwakilan atau waranti dalam Perjanjian ini oleh Anda dan/atau Pengguna Akhir Anda; atau (c) pelanggaran sebarang hak pihak lain atau sebarang undang-undang, peraturan dan kawalan oleh Anda dan/atau Pengguna Akhir Anda. Anda mengakui bahawa Perkhidmatan ini tidak ditujukan untuk situasi yang ralat atau ketidaktepatan dalam kandungan, kefungsi, perkhidmatan, data atau maklumat yang diberikan oleh Perkhidmatan ini atau Perisian Apple, atau kegagalan Perkhidmatan ini atau Perisian Apple, yang boleh membawa kepada kematian, kecederaan individu atau kerosakan teruk fizikal atau persekitaran, dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Anda dengan ini bersetuju untuk melindungi dan memastikan setiap Pihak Terlindung Apple daripada sebarang Kerugian yang ditanggung oleh Pihak Terlindung Apple tersebut atas sebab sebarang penggunaan sedemikian oleh Anda atau Pengguna Akhir Anda. Kewajipan ini akan tetap berkuat kuasa selepas penamatan atau peluputan Perjanjian ini dan/atau penggunaan Perkhidmatan ini oleh Anda.

9. PENAFIAN WARANTI

ANDA SECARA KHUSUSNYA MENGAKUI DAN BERSETUJU BAHAWA, SETAKAT YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG BERKENAAN, PERKHIDMATAN INI, PERISIAN APPLE DAN SEBARANG KANDUNGAN, CIRI, KEFUNGSIAN ATAU BAHAN YANG BERKAITAN DISEDIAKAN "SEPERTI ADA" DAN "SEPERTI YANG DISEDIAKAN". APPLE MAHUPUN ANGGOTA GABUNGAN, SUBSIDIARI, PEGAWAI, PENGARAH, PEKERJA, EJEN, RAKAN PERNIAGAAN DAN PEMBERI PELESENNYA (SECARA BERSAMA "APPLE" BAGI TUJUAN BAHAGIAN 9 DAN 10 DI SINI) SECARA KHUSUSNYA MENAFIKAN SEMUA WARANTI DALAM APA-APA JUA BENTUK, YANG TERSURAT ATAUPUN TERSIRAT, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA WARANTI YANG TERSIRAT BAGI KEBOLEHDAGANGAN, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU DAN KETIDAKLANGGARAN. KHUSUSNYA, APPLE TIDAK MEMBUAT WARANTI YANG (I) PERKHIDMATAN INI AKAN MEMENUHI SEMUA KEPERLUAN ANDA; (II) PENGGUNAAN PERKHIDMATAN INI OLEH ANDA ADALAH TEPAT PADA MASANYA, TIDAK TERGANGGU, SELAMAT ATAU BEBAS DARIPADA RALAT, KEHILANGAN, KEROSAKAN, SERANGAN, VIRUS ATAU PENGODAMAN; (III) SEBARANG MAKLUMAT YANG DIDAPATI OLEH ANDA HASIL DARIPADA PERKHIDMATAN INI ADALAH TEPAT ATAU BOLEH DIPERCAYAI; DAN (IV) SEBARANG KECACATAN ATAU RALAT DALAM PERISIAN YANG DISEDIAKAN KEPADA ANDA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PERKHIDMATAN INI AKAN DIBETULKAN.

ANDA BERSETUJU BAHAWA DARI SEMASA KE SEMASA, APPLE BOLEH MENGHENTIKAN PERKHIDMATAN UNTUK TEMPOH YANG TIDAK TENTU ATAU MEMBATALKAN PERKHIDMATAN MENGIKUT TERMA PERJANJIAN INI. APA-APA BAHAN YANG DIMUAT TURUN ATAU SECARA LAINNYA DIPEROLEH MELALUI PENGGUNAAN PERKHIDMATAN INI DIAKSES MENGIKUT BUDI BICARA DAN RISIKO ANDA SENDIRI DAN ANDA BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA TERHADAP APA-APA KEROSAKAN PADA PERANTI ATAU KOMPUTER ANDA, ATAU KEHILANGAN DATA YANG TERHASIL AKIBAT MEMUAT TURUN SEBARANG BAHAN SEDEMIKIAN. ANDA JUGA MENGAKUI BAHAWA PERKHIDMATAN INI TIDAK BERTUJUAN ATAU SESUAI UNTUK DIGUNAKAN DALAM SITUASI ATAU PERSEKITARAN YANG BOLEH MEMBAWA KEPADA KEMATIAN, KECEDERAAN INDIVIDU ATAU KEROSAKAN TERUK FIZIKAL ATAU PERSEKITARAN SEKIRANYA BERLAKU KEGAGALAN ATAU KELEWATAN, ATAU RALAT ATAU KETIDAKTEPATAN DALAM KANDUNGAN, DATA ATAU MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN OLEH PERKHIDMATAN INI.

10. HAD LIABILITI

SETAKAT YANG TIDAK DILARANG OLEH UNDANG-UNDANG BERKENAAN, DALAM APA-APA JUA KEADAAN SEKALIPUN APPLE TIDAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SEBARANG KECEDERAAN PERIBADI LANGSUNG, ATAU APA-APA JUA GANTI-RUGI TIDAK LANGSUNG, BERKAITAN, KHAS, BERBANGKIT ATAU TELADAN, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, GANTI-RUGI KEHILANGAN KEUNTUNGAN, KEROSAKAN ATAU KEHILANGAN DATA, KEHILANGAN NAMA BAIK, KEGAGALAN UNTUK MENGHANTAR ATAU MENERIMA SEBARANG DATA (TERMASUK TANPA HAD, ARAHAN, TUGASAN DAN BAHAN KURSUS), KOS PEMEROLEHAN BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN GANTI, GANGGUAN PERNIAGAAN ATAU APA-APA JUA KEROSAKAN ATAU KERUGIAN LAIN YANG NYATA MAHUPUN TIDAK (WALAUPUN APPLE TELAH DINASIHATI TENTANG KEMUNGKINAN BERLAKUNYA KEROSAKAN SEDEMIKIAN), BERKAITAN DENGAN ATAU YANG TERHASIL DARIPADA: (I) PENGGUNAAN ATAU KETIDAKUPAYAAN UNTUK MENGGUNA PERKHIDMATAN INI, PERISIAN APPLE, SEBARANG CIRI, KEFUNGSIAN, KANDUNGAN, BAHAN, ATAU PERISIAN ATAU APLIKASI PIHAK KETIGA YANG BERHUBUNG DENGAN PERKHIDMATAN INI; (II) SEBARANG PERUBAHAN YANG DILAKUKAN TERHADAP PERKHIDMATAN INI ATAU SEBARANG PEMBERHENTIAN SEMENTARA ATAU KEKAL PERKHIDMATAN INI ATAU MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADANYA; (III) AKSES TANPA KEBENARAN ATAU PINDAAN KEPADA PERKHIDMATAN INI, PENGHANTARAN ATAU DATA ANDA; (IV) PEMADAMAN, KEROSAKAN ATAU KEGAGALAN UNTUK MENYIMPAN DAN/ATAU MENGHANTAR ATAU MENERIMA PENGHANTARAN ATAU DATA ANDA PADA ATAU MELALUI PERKHIDMATAN INI; (V) KENYATAAN ATAU KELAKUAN MANA-MANA PIHAK KETIGA PADA PERKHIDMATAN INI; ATAU (VI) APA-APA JUA PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGAN PERKHIDMATAN INI.

11. PERKARA LAIN

A. Hubungan antara Pihak. Perjanjian ini tidak akan ditafsirkan sebagai mewujudkan apa-apa hubungan agensi, atau perkongsian, usaha sama, kewajipan fidusiari, atau apa-apa bentuk persatuan undang-undang lain antara Anda dengan Apple, dan Anda tidak akan membuat perwakilan sebaliknya, sama ada secara nyata, dengan implikasi, penampilan atau dalam apa-apa cara sekalipun. Kecuali seperti yang dinyatakan secara khusus dalam Perjanjian ini, Perjanjian ini tidak diadakan untuk faedah mana-mana pihak ketiga.

B. Penepian; Penugasan. Tiada penangguhan atau kegagalan untuk bertindak di bawah Perjanjian ini akan dianggap sebagai penepian kecuali jika dinyatakan secara jelas dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh wakil diberikan kuasa yang sepatutnya daripada Apple, dan tiada penepian tunggal akan dianggap sebagai penepian berterusan atau berikutnya. Perjanjian ini tidak boleh ditugaskan secara keseluruhan atau sebahagiannya oleh Anda. Sebarang penugasan akan dianggap batal dan tidak sah.

C. Pengesahan. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang berkenaan, Apple mungkin mengesahkan penggunaan Perkhidmatan ini oleh Anda (melalui alat perisian jauh atau sebaliknya) untuk menilai pematuhan dengan terma Perjanjian ini. Anda bersetuju untuk bekerjasama dengan Apple dalam proses pengesahan ini dan menyediakan bantuan dan akses yang munasabah kepada maklumat yang berkenaan. Sebarang pengesahan sedemikian tidak akan mengganggu pengendalian perniagaan biasa Anda secara tidak wajar, dan Anda bersetuju bahawa Apple tidak bertanggungjawab untuk sebarang kos atau perbelanjaan yang terhasil akibat kerjasama Anda dengan proses pengesahan tersebut.

D. Kawalan Eksport. Penggunaan Perkhidmatan dan Perisian ini, termasuk menghantar, menyiar atau memuat naik data, perisian atau Kandungan lain melalui Perkhidmatan ini, mungkin tertakluk pada undang-undang eksport dan import Amerika Syarikat dan negara lain. Anda bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan eksport dan import yang terpakai. Khususnya, namun tanpa had, Perisian ini tidak boleh dieksport atau dieksport semula (a) ke mana-mana negara yang sedang disekat oleh A.S. atau (b) mana-mana orang yang namanya termasuk dalam senarai Warga Terlantik Khas Jabatan Perbendaharaan A.S. atau Senarai Orang atau Senarai Entiti yang Ditolak Jabatan Perdagangan A.S. Dengan Perisian atau Perkhidmatan ini, anda mengatakan dan menjamin bahawa anda tidak bertempat di mana-mana negara sedemikian atau termasuk dalam mana-mana senarai sedemikian. Anda juga bersetuju bahawa anda tidak akan menggunakan Perisian atau Perkhidmatan ini untuk sebarang tujuan yang dilarang oleh undang-undang Amerika Syarikat, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pembangunan, reka bentuk, pengilangan atau pengeluaran misil, senjata nuklear, kimia atau biologi. Anda selanjutnya bersetuju supaya tidak memuat naik sebarang data atau perisian ke akaun anda yang: (a) tertakluk pada Peraturan Perdagangan Haram dalam Senjata Antarabangsa; atau (b) yang tidak boleh dieksport tanpa kebenaran bertulis daripada kerajaan terlebih dahulu, termasuk tetapi tidak terhad kepada, jenis perisian dan kod sumber penyulitan tertentu, tanpa mendapatkan kebenaran tersebut terlebih dahulu. Jaminan dan komitmen ini akan tetap berkuat kuasa selepas Perjanjian ini ditamatkan.

Anda mewakili atau menjamin bahawa Anda dan mana-mana entiti atau orang yang mengawal Anda secara langsung atau tidak langsung, atau di bawah kawalan bersama dengan Anda, tidak: (a) pada mana-mana senarai sekatan di negara atau rantau yang Perkhidmatan tersedia, (b) menjalankan perniagaan di mana-mana negara atau wilayah yang disekat oleh AS, dan (c) pengguna akhir tentera seperti yang ditakrifkan dan dinyatakan dalam 15 C.F.R § 744. Seperti yang digunakan dalam Bahagian 11(D) ini, "kawalan" bermaksud bahawa entiti atau orang tersebut memiliki, secara langsung atau tidak langsung, kuasa untuk mengarahkan atau menyebabkan arahan dasar pengurusan entiti lain, sama ada melalui pemilikan sekuriti mengundi, kepentingan dalam modal berdaftar, melalui kontrak atau sebaliknya.

E. Pematuhan Undang-undang. Institusi akan, dan akan memastikan bahawa semua pekerja, kontraktor dan ejen Institusi akan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan kawal selia yang berkenaan dengan penggunaan Perkhidmatan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, yang digubal untuk menentang sogokan dan rasuah, termasuk Akta Amalan Rasuah Luar Negeri Amerika Syarikat, Akta Rasuah UK, prinsip Konvensyen OECD terhadap Menentang Rasuah dalam Kalangan Pegawai Kerajaan Luar Negeri, dan apa-apa jua undang-undang yang berkenaan di semua negara yang perniagaan atau perkhidmatan akan dilakukan menurut Perjanjian ini.

F. Pengguna Akhir Kerajaan Persekutuan. Perkhidmatan, Perisian Apple dan dokumentasi berkaitan ialah "Produk Komersial", sepertimana terma tersebut didefinisikan dalam 48 C.F.R. §2.101 yang mengandungi "Perisian Komputer Komersial" ('Commercial Computer Software') dan "Dokumentasi Perisian Komputer Komersial" ('Commercial Computer Software Documentation'), sepertimana terma tersebut digunakan dalam 48 C.F.R. §12.212 atau 48 C.F.R. §227.7202, seperti yang berkenaan. Selaras dengan 48 C.F.R. §12.212 atau 48 C.F.R. §227.7202-1 hingga 227.7202-4, seperti yang berkenaan, Perisian Komputer Komersial dan Dokumentasi Perisian Komputer Komersial dilesenkan kepada pengguna akhir Kerajaan Amerika Syarikat (a) hanya sebagai Produk Komersial, dan (b) hanya dengan hak tersebut sebagaimana yang diberikan kepada semua pengguna akhir yang lain menurut terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Hak yang tidak disiarkan tertakluk di bawah undang-undang hak cipta Amerika Syarikat.

G. Yuran Peguam. Setakat yang tidak dilarang oleh undang-undang berkenaan, jika sebarang tindakan atau prosiding, walaupun bersifat kawal selia, pentadbiran, menurut undang-undang atau dalam ekuiti dimulakan atau dikenalkan untuk menguatkuasakan atau menterjemahkan mana-mana syarat atau peruntukan dalam Perjanjian ini (tidak termasuk sebarang usaha damai yang perlu mengikut Perjanjian ini), pihak yang mengatasi dalam sebarang tindakan atau prosiding sedemikian akan berhak mendapat kembali yuran peguam, yuran saksi pakar, kos guaman dan perbelanjaan yang munasabah, di samping sebarang jenis relief lain yang berhak diterima oleh pihak yang mengatasi tersebut. Seperti yang digunakan di sini, "pihak yang mengatasi" termasuk tanpa had, pihak yang menggugurkan tindakan pemulihan di bawah ini sebagai tukaran untuk bayaran jumlah yang dikatakan layak diberikan, prestasi waad yang dikatakan telah dilanggar atau pertimbangan yang sebahagian besarnya sepadan dengan relief yang diminta dalam tindakan tersebut.

H. Undang-undang Berkuasa. Jika Institusi Anda ialah institusi pendidikan awam dan bertauliah A.S., maka Perjanjian ini akan diperintah dan ditafsir mengikut undang-undang negeri yang Institusi Anda bermastautin, kecuali kanun undang-undang yang berkaitan dengan sengketa undang-undang. Anda dan Apple dengan ini bersetuju kepada bidang kuasa peribadi dan tempat eksklusif mahkamah persekutuan di negeri mastautin Institusi Anda.

Bagi semua institusi lain yang bermastautin di Amerika Syarikat atau tertakluk pada undang-undang Amerika Syarikat mengikut Perjanjian ini, Perjanjian ini akan diperintah oleh dan ditafsir mengikut undang-undang Negeri California, seperti terpakai pada perjanjian yang dimasuki dan dilaksanakan sepenuhnya di California dan antara penduduk California. Pihak-pihak tersebut juga selanjutnya menyerahkan kepada dan menepikan sebarang bantahan terhadap bidang kuasa peribadi dan tempat dalam mana-mana forum berikut: Mahkamah Daerah A.S. untuk Daerah Utara California, Mahkamah Atasan California untuk Wilayah Santa Clara atau mana-mana forum lain di Wilayah Santa Clara, untuk apa-apa jua litigasi yang timbul daripada Perjanjian ini.

Jika Institusi Anda terletak di luar Amerika Syarikat, undang-undang yang mentadbir dan forum hendaklah merupakan undang-undang dan mahkamah negara domisil entiti Apple yang menyediakan Perkhidmatan kepada Anda seperti yang ditakrifkan dalam Bahagian 11(M).

Jika Anda ialah sebuah organisasi antarabangsa antara kerajaan yang telah diberikan kekebalan daripada bidang kuasa mahkamah nasional melalui piagam atau perjanjian antara kerajaan Anda, maka sebarang kontroversi atau tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini, atau pelanggaran, hendaklah ditentukan mengikut timbang tara di bawah Peraturan Timbang Tara Dewan Perniagaan Antarabangsa ("Peraturan ICC") yang berkuat kuasa pada masa permohonan timbang tara dibuat oleh tiga penimbang tara yang dilantik menurut peraturan sedemikian, dan akan dijalankan menurut Peraturan Persatuan Peguam Antarabangsa (IBA) berhubung Pengambilan Bukti dalam Timbang Tara Antarabangsa. Tempat timbang tara ialah London, England. Timbang tara akan dijalankan dalam bahasa Inggeris. Atas permintaan Apple, Anda bersetuju untuk memberikan bukti status Anda sebagai organisasi antara kerajaan dengan keistimewaan dan kekebalan sedemikian.

Perjanjian ini tidak akan ditadbir oleh Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Kontrak bagi Penjualan Barangan Antarabangsa, yang keterpakaiannya secara khusus dikecualikan.

I. Notis. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan sebaliknya dalam Perjanjian ini, apa-apa notis yang diperlukan atau dibenarkan mengikut terma Perjanjian ini atau diperlukan oleh undang-undang mesti diberikan dalam bentuk bertulis dan mesti: (a) diserahkan secara bersendirian, (b) dikirim melalui Perkhidmatan Pos A.S., atau (c) dikirim melalui perkhidmatan kiriman udara cepat semalaman, dalam setiap situasi dikirim dan diprayayai secara penuh kepada: Apple Inc., Apple Developer Legal (Apple School Manager), One Apple Park, 37-21SM, Cupertino, California 95014 U.S.A. Kedua-dua belah pihak boleh menukar alamat penerimaan notisnya dengan memaklumi pihak yang lain mengikut Bahagian ini. Notis akan dianggap telah diberikan pada waktu pengirisan secara bersendirian sebenar, tiga (3) hari perniagaan selepas notis itu dimasukkan ke dalam peti mel seperti yang dinyatakan di atas atau satu (1) hari selepas pengirisan melalui perkhidmatan kiriman cepat semalaman. Anda bersetuju untuk menerima notis melalui e-mel dan bersetuju bahawa apa-apa notis sedemikian yang dihantar oleh Apple kepada Anda secara elektronik akan memenuhi mana-mana keperluan komunikasi undang-undang.

J. Force Majeure. Tiada pihak akan dianggap bertanggungjawab dalam hal prestasi yang gagal atau tertangguh akibat tindakan perang, pertempuran, keganasan, keingkaran awam, kebakaran, gempa bumi, bencana alam, kemalangan, pandemik, kekacauan buruh, sekatan kerajaan (termasuk penolakan atau pembatalan sebarang lesen eksport/import atau lesen lain) atau sebarang kejadian lain yang berlaku di luar kawalan munasabah oleh pihak yang berkewajipan; dengan syarat bahawa dalam tempoh lima (5) hari perniagaan selepas kejadian force majeure tersebut diketahui, pihak sedemikian memaklumi pihak yang lain melalui notis bertulis. Kedua-dua belah pihak akan melakukan usaha yang sewajarnya untuk mengurangkan kesan kejadian force majeure. Jika kejadian force majeure seperti di atas berlaku, waktu prestasi atau pemulihan akan dipanjangkan selama tempoh yang sama seperti panjang kejadian force majeure itu, namun dalam semua keadaan tidak melebihi tiga puluh (30) hari. Bahagian ini tidak mengecualikan kewajipan kedua-dua belah pihak untuk mengamalkan dan mematuhi prosedur pemulihan bencana yang munasabah.

K. Pemahaman Penuh; Kebolehasingan; Perubahan kepada Perjanjian Ini. Perjanjian ini merangkumi keseluruhan persetujuan antara Anda dengan Apple berkenaan dengan penggunaan Perkhidmatan ini oleh Anda, mentadbir penggunaan Perkhidmatan ini oleh Anda dan menggantikan sepenuhnya sebarang perjanjian lebih awal antara Anda dengan Apple berkenaan dengan Perkhidmatan ini. Anda juga mungkin tertakluk pada terma dan syarat tambahan yang mungkin terpakai apabila Anda menggunakan perkhidmatan gabungan, kandungan pihak ketiga atau perisian pihak ketiga. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam Perjanjian ini seperti yang berkenaan dengan Perkhidmatan ini, tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini menggantikan EULA untuk Perisian Apple. Perjanjian ini mungkin diubah hanya setakat yang dibenarkan secara jelas oleh Perjanjian ini (contohnya, oleh Apple setelah mengirimkan notis kepada Anda). Jika Anda enggan menerima perubahan sedemikian, Apple berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dan akaun Anda. Jika mana-mana bahagian dalam Perjanjian ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bahagian itu akan ditafsirkan dalam cara yang konsisten dengan undang-undang yang berkenaan untuk menggambarkan sebaik yang mungkin niat asal kedua-dua belah pihak, dan bahagian yang lain akan terus berkuat kuasa sepenuhnya. Kegagalan Apple untuk melaksanakan atau menguatkuasakan sebarang hak atau peruntukan dalam Perjanjian ini tidak akan membentuk penepian terhadap hak atau peruntukan sedemikian. Sebarang penterjemahan terhadap Perjanjian ini dilakukan untuk memenuhi keperluan tempatan dan jika berlaku percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan mana-mana versi bukan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris Perjanjian ini akan mengatasi versi yang lain.

L. Kelangsungan Terma. Semua terma dan peruntukan Perjanjian ini, termasuk sebarang dan semua tambahan dan pindaan bersama-sama ini, yang mengikut sifatnya ditujukan untuk tetap berlangsung walaupun selepas sebarang penamatan atau peluputan Perjanjian ini, akan tetap berlangsung seperti itu.

M. Pentakrifan. Dalam Perjanjian ini, kecuali jika dinyatakan sebaliknya secara khusus:

"Pentadbir" bermaksud pekerja atau kontraktor (atau Penyedia Perkhidmatan Pihak Ketiga) Institusi yang berperanan sebagai wakil sah bagi pihak Institusi untuk tujuan pengurusan akaun, termasuk tetapi tidak terhad kepada, mentadbir pelayan, memuat naik seting peruntukan MDM dan menambah peranti pada akaun Institusi, mencipta dan mengurus Akaun Apple Terurus dan tugas lain yang berkaitan dengan mentadbir Perkhidmatan ini, mengikut terma Perjanjian ini.

"Apple" seperti yang digunakan di sini merujuk kepada:

- Apple Inc., yang terletak di One Apple Park Way, Cupertino, California, 95014, Amerika Syarikat untuk pengguna di Amerika Syarikat, termasuk Puerto Rico;
- Apple Canada Inc., terletak di 120 Bremner Blvd., Suite 1600, Toronto ON M5J 0A8, Canada untuk pengguna di Kanada;
- iTunes K.K., yang terletak di Roppongi Hills, 6-10-1 Roppongi, Minato-ku, Tokyo 106-6140, Jepun untuk pengguna di Jepun;
- Apple Services Pte. Ltd., yang terletak di 7 Ang Mo Kio Street 64, Singapura untuk pengguna di Korea Selatan;
- Apple Pty Limited, terletak di Level 2, 20 Martin Place, Sydney NSW 2000, Australia, untuk pengguna di Australia, New Zealand, termasuk mana-mana wilayah atau bidang kuasa bersekutu mereka;
- Apple Services LATAM LLC, terletak di 2811 Ponce de Leon Boulevard, Floor 12, Coral Gables, Florida 33134, U.S.A., untuk pengguna di Mexico, Amerika Tengah atau Amerika Selatan, atau mana-mana negara atau wilayah Caribbean (tidak termasuk Puerto Rico); dan

- Apple Distribution International Ltd., yang terletak di Kawasan Perindustrian Hollyhill, Hollyhill, Cork, Republik Ireland, untuk pengguna di semua negara atau wilayah lain yang tidak dinyatakan di atas yang Perkhidmatan itu ditawarkan.

"Kakitangan Apple" bermaksud pekerja, ejen dan/atau kontraktor Apple.

"Perkhidmatan Apple" bermaksud App Store, Apple Books, Apple Online Store, AppleCare, Apple Teacher Learning Center dan Perkhidmatan Apple lain yang tersedia kepada Pengguna Akhir Anda mengikut Perjanjian ini.

"Perisian Apple" bermaksud iOS, iPadOS, macOS, tvOS, visionOS, watchOS, Classroom, Schoolwork dan mana-mana versi pengganti.

"Penyedia Perkhidmatan Apple" dan **"Penyedia Perkhidmatan"** bermaksud pihak ketiga yang melakukan tugas tertentu bagi pihak Apple, seperti memproses atau menyimpan data dan menyediakan perkhidmatan pelanggan, sehubungan dengan peruntukan Perkhidmatan oleh Apple.

"Peranti Dibenarkan" bermaksud perkakasan berjenama Apple yang dimiliki atau dikawal oleh Anda (termasuk perkakasan yang dibeli atau didermakan oleh ibu bapa untuk digunakan oleh Institusi), yang telah ditetapkan untuk digunakan hanya oleh Pengguna Akhir dan yang memenuhi spesifikasi teknikal dan keperluan yang berkenaan untuk digunakan dalam Perkhidmatan. Peranti milik peribadi tidak dibenarkan untuk didaftarkan dalam pengurusan peranti yang diselia oleh Anda sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan dan tidak boleh ditambahkan pada akaun Anda.

"Kandungan" bermaksud sebarang maklumat yang mungkin dijanakan atau ditemukan semasa penggunaan Perkhidmatan ini, seperti fail data, ciri peranti, teks bertulis, perisian, muzik, grafik, foto, imej, bunyi, video, mesej dan sebarang bahan lain yang serupa termasuk Data Peribadi.

"Dokumentasi" bermaksud spesifikasi atau dokumentasi teknikal atau lain-lain yang mungkin diberikan oleh Apple kepada Anda untuk digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan, dan termasuk Panduan Penggunaan Apple untuk Pendidikan.

"Pengguna Akhir" bermaksud pekerja, guru, kakitangan, kontraktor (atau Penyedia Perkhidmatan Pihak Ketiga), Pentadbir dan/atau pelajar Institusi seperti terpakai yang dibenarkan oleh atau bagi pihak Institusi untuk menggunakan Perkhidmatan ini mengikut Perjanjian ini.

"Perjanjian Lesen Pengguna Akhir" atau **"EULA"** bermaksud terma dan syarat perjanjian lesen perisian untuk Perisian Apple.

"GDPR" bermaksud Peraturan (EU) 2016/679 Parlimen Eropah dan Majlis 27 April 2016 tentang perlindungan orang sebenar berkenaan pemprosesan data peribadi dan pergerakan bebas data sebegini, dan pemansuhan direktif 95/46/EC.

"Perakuan ISO 27001" bermaksud perakuan ISO/IEC 27001:2013 atau perakuan sepadan yang meliputi Perkhidmatan ini.

"Perakuan ISO 27018" bermaksud perakuan ISO/IEC 27018:2014 atau perakuan sepadan yang meliputi Perkhidmatan ini.

"Seting Pendaftaran MDM" bermaksud seting bagi produk berjenama Apple yang boleh dikonfigurasi dan diurus sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, aliran pendaftaran awal untuk sesebuah peranti dan seting untuk menyelia peranti tersebut, menjadikan konfigurasi mandatori atau mengunci profil MDM.

"Pelayan MDM" bermaksud komputer yang dimiliki atau dikawal oleh Anda (atau oleh Pembekal Perkhidmatan yang bertindak bagi pihak Anda) yang telah ditetapkan untuk berkomunikasi dengan Perkhidmatan ini.

"Data Peribadi" bermaksud data yang boleh digunakan secara munasabah untuk mengenal pasti individu yang berada di bawah kawalan Institusi di bawah Perjanjian ini. Data Peribadi mungkin berkaitan dengan pelajar, guru, Pentadbir, pekerja dan kontraktor Institusi Anda, seperti maklumat yang dikaitkan dengan Akaun Apple Terurus. Data Peribadi tidak termasuk maklumat yang telah teragregat, dirahsiakan nama atau dipadamkan identitinya dengan cara yang data tersebut tidak lagi dapat dihubungkan atau dikaitkan dengan seseorang secara munasabah.

"Token Pelayan" bermaksud gabungan kunci awam Anda, Akaun Apple Terurus dan token yang disediakan oleh Apple yang membenarkan Pelayan MDM Anda didaftarkan dengan Perkhidmatan ini.

"Perkhidmatan" merujuk pada perkhidmatan Apple School Manager (dan sebarang komponen, kefungsiannya dan cirinya) untuk pengurusan Peranti Sah, Kandungan, Akaun Apple Terurus dan storan iCloud yang dihubungkan dengan Akaun Apple Terurus sedemikian, dan akses serta penggunaan Pengguna Akhir sah Institusi melalui Portal Web dan laman web dan perkhidmatan Apple yang lain, seperti iCloud, yang disediakan oleh Apple kepada Institusi menurut Perjanjian ini.

"Kandungan Pihak Ketiga" bermaksud semua fail data, ciri peranti, teks bertulis, perisian, muzik, grafik, foto, imej, bunyi, video, mesej dan sebarang bahan lain yang serupa dalam apa-apa jua format yang didapati atau berasal daripada sumber pihak ketiga selain Apple dan disediakan kepada Anda melalui, dalam atau bersama penggunaan Perkhidmatan ini oleh Anda.

"Penyedia Perkhidmatan Pihak Ketiga" bermaksud pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan kepada Anda mengikut terma Perjanjian ini.

"Anda", "Anda" dan "Institusi" bermaksud institusi yang memasuki Perjanjian ini. Bagi mengelakkan keraguan, Institusi bertanggungjawab terhadap pematuhan Perjanjian ini oleh pekerja, kontraktor, Penyedia Perkhidmatan Pihak Ketiga dan ejennya yang dibenarkan untuk melaksanakan hak mengikut Perjanjian ini bagi pihaknya.

"Kandungan Anda" bermaksud semua fail data, ciri peranti, teks bertulis, perisian, muzik, grafik, foto, imej, bunyi, video, mesej dan sebarang bahan lain yang serupa (termasuk Data Peribadi seperti yang ditakrifkan di atas) dalam apa-apa jua format yang disediakan kepada Anda atau bagi pihak Pengguna Akhir Anda, yang Kandungan sedemikian berada, atau berjalan pada atau melalui Perkhidmatan ini.

"Kandungan Pukul" bermaksud aplikasi, buku dan apa-apa bahan atau maklumat lain yang boleh dilesenkan atau diperoleh sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan menurut Adendum Perkhidmatan Kandungan Pukul yang dilampirkan di sini.

"Portal Web" bermaksud platform berasaskan web yang disediakan oleh Apple yang membolehkan Anda mengurus Perkhidmatan.

EKSHIBIT A

Notis Privasi untuk Data Peribadi Pelajar

1. AKAUN APPLE TERURUS UNTUK PELAJAR ANDA

Dengan Akaun Apple Terurus yang Anda cipta, pelajar akan dapat memanfaatkan aplikasi, ciri, dan perkhidmatan Apple yang Anda pilih untuk disediakan bagi tujuan pendidikan seperti yang diterangkan dalam Panduan Pengguna Apple School Manager (<https://support.apple.com/guide/apple-school-manager/axm171b3ee95/1/web>).

Contohnya, pelajar boleh menggunakan Akaun Apple Terurus mereka untuk:

- Membuat dan menerima panggilan video dan suara FaceTime
- Mencipta dan mengongsi foto, dokumen, video, mesej audio dan mesej teks menggunakan Kamera, Foto, Perkongsian Foto iCloud, Messages, Mail, iWork dan aplikasi Apple lain
- Berinteraksi dengan App Classroom, yang membenarkan guru dan Pentadbir membimbing pelajar melalui pelajaran dan melihat skrin peranti mereka
- Menyimpan kenalan, acara kalendar, nota, peringatan, foto, dokumen dan sandaran pada iCloud
- Mengakses dan mencari di Internet dan sumber Internet melalui Safari dan Spotlight
- Merakam dan berkongsi kemajuan mereka di aplikasi yang didayakan dengan ClassKit jika ciri Kemajuan Pelajar didayakan dalam Apple School Manager
- Menggunakan Schoolwork untuk melihat tugas kelas, menavigasi pada aktiviti aplikasi yang ditugaskan, bekerjasama dengan guru dan pelajar lain dan menyerahkan kerja anda
- Tambahkan kad ID pelajar yang disokong atau pas akses korporat pada Dompot.

Pelajar juga akan dapat memanfaatkan mana-mana produk atau perkhidmatan pihak ketiga yang Anda pilih untuk diakses, digunakan, dimuat turun, dipasang, atau didayakan, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3(O) Perjanjian.

Apple, yang bertindak sebagai pemproses data Anda, tidak akan dengan sengaja mengumpul, menggunakan, atau mendedahkan sebarang Data Peribadi pelajar anda melainkan diarahkan oleh anda. Anda mengakui bahawa Anda bertanggungjawab untuk mendapatkan persetujuan daripada, dan memberikan notis yang mencukupi kepada, pelajar dan/atau ibu bapa, jika diperlukan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, untuk mencipta Akaun Apple Terurus dan membenarkan Apple untuk menyediakan Perkhidmatan melalui Akaun Apple Terurus, dan untuk mengumpul, menggunakan, dan mendedahkan Data Peribadi pelajar yang diberikan oleh Anda atau Pengguna Akhir Anda kepada Apple melalui Perkhidmatan ini, termasuk mana-mana ciri dan perkhidmatan tambahan yang Anda sediakan kepada pelajar Anda.

Apple mungkin mengambil langkah tambahan untuk mengesahkan bahawa orang yang memberikan kebenaran untuk penciptaan Akaun Apple Terurus bagi pelajar Anda ialah Pentadbir daripada Institusi Anda dengan kuasa untuk memberikan kebenaran bagi pihak Anda.

2. PENGUMPULAN DATA PERIBADI

A. Penciptaan Akaun Apple Terurus. Apple mungkin menerima Data Peribadi berikut jika diberikan oleh Anda atau diberikan bagi pihak Anda untuk membuat Akaun Apple Terurus untuk Pelajar Anda: nama pelajar, Institusi, kelas yang didaftarkan, peranan dan ID pelajar. Jika Anda mahu, Anda juga boleh memberikan tahap gred dan alamat e-mel pelajar Anda. Bagi melindungi keselamatan akaun pelajar Anda dan mengekalkan keupayaan Anda untuk menetapkan semula kata laluan pelajar dengan mudah dalam talian, Anda harus mengekalkan kerahsiaan maklumat ini.

B. Penggunaan Perkhidmatan Apple dan Perkhidmatan serta Produk Pihak Ketiga dengan Akaun Apple Terurus

Apple boleh mengumpulkan Data Peribadi yang berkaitan dengan penggunaan ciri dan perkhidmatan Apple oleh pelajar anda, serta produk dan perkhidmatan pihak ketiga yang anda pilih untuk disediakan bagi tujuan pendidikan, termasuk maklumat yang diterangkan di atas. Contohnya, jika Anda memilih untuk menggunakan Schoolwork, Apple boleh mengumpulkan Data Peribadi daripada pelajar yang berkaitan dengan aktiviti yang ditugaskan oleh guru mereka melalui Schoolwork, seperti semasa pelajar Anda menandakan satu aktiviti sebagai lengkap dan maklum balas mereka tentang aktiviti yang ditugaskan. Jika Anda mendayakan ciri Kemajuan Pelajar dalam Apple School Manager, Apple akan menerima data tentang kemajuan pelajar Anda berkenaan aktiviti yang ditugaskan daripada aplikasi yang mengambil bahagian, seperti membaca bab dalam buku, menyelesaikan satu set pengiraan matematik atau mengambil kuiz. Jika anda mengaktifkan perkhidmatan dan aplikasi komunikasi serta kolaborasi yang ditawarkan oleh Apple, Apple mungkin mengumpul, dan pelajar anda mungkin boleh berkongsi Data Peribadi dengan pengguna lain bergantung pada tetapan yang anda pilih. Sebagai contoh, anda boleh memilih untuk mengaktifkan FaceTime dan iMessage, dan membenarkan pelajar anda menggunakan aplikasi ini sama ada hanya dengan pengguna lain dalam Institusi anda, atau dengan sesiapa sahaja di dalam dan di luar Institusi anda. Anda juga boleh memilih untuk membenarkan pelajar anda bekerjasama pada fail yang dicipta menggunakan Keynote, Numbers, dan Pages dengan mana-mana pengguna lain yang mempunyai Akaun Apple, atau hanya dengan pengguna lain yang menggunakan Akaun Apple Terurus daripada Institusi anda.

